



MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

Senate

**PARLIMEN KETUJUH**  
Seventh Parliament

**PENGGAL KETIGA**  
Third Session

**Jilid III      Bil.      II      Hari Jumaat      7hb Julai, 1989**

#### **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN      (Ruangan 1)**

#### **USUL-USUL:**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia  
Kelima 1986-1990      (Ruangan 37)**

**Penangguhan Mesyuarat      (Ruangan 96)**

#### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Kelas P.O.L. di Sekolah-sekolah      Y.B. Tuan C. Krishnan      (Ruangan 97)**

**Akta Kawalan Sewa 1966 - Y.B. Tuan Chan Choong Tak      (Ruangan 101)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Jumaat, 7bb Julai, 1989**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang**

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PENUNTUT MELAYU DI SRJK (C) DAN SRJK (T)**

1. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah penuntut-penuntut Melayu yang belajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (Rendah dan Menengah) dan India. Bagaimanakah prestasi mereka.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid-murid Melayu di SRJK(C) adalah serama 16,170 orang dan di SRJK(T) saramai 192 orang. Kesemua murid Melayu di sekolah-sekolah tersebut akan menyambung pelajaran mereka di Sekolah Menengah Kebangsaan selepas menamatkan pendidikan di Sekolah Rendah.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah kesulitan yang dihadapi oleh murid-murid Melayu yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan bagaimana masalah mereka diatasi?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, murid-murid Melayu yang belajar di, sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu tidak menghadapi kesulitan dan walaupun Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah berkurangan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, tetapi sebab bahasa keluarga mereka atau mother tongue mereka adalah Bahasa Malaysia bahawa mereka lebih berkesan untuk duduk di dalam Bahasa Melayu sebab mereka ada di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), mereka dapat menguasai Bahasa Cina juga.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah agaknya sebab-sebab maka begitu ramai murid-murid Melayu yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Tamil itu, apakah Kementerian menggalakkan tindakan ini dijalankan?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pelajaran Kebangsaan di negara kita ini bahawa kita hendak mengikut hasrat ibu-bapa mereka dan Kementerian sudah menyediakan tiga aliran iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan kita mengikut hasrat Ibu-bapa. Pilihan itu tertakluk kepada ibu-bapa itu satu sebab. Lain sebab ialah kaum-kaum ibu-bapa Melayu duduk di tempat dan bercampur dengan orang Cina di Kampung Baru ataupun tempat yang lebih dekat dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) atau sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bahawa mereka rasa Lebih senang untuk membawa anak mereka ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang dekat rumah mereka.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pelajar Melayu atau pelajar Cina, pelajar India dari sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dibenarkan bertukar ke Sekolah Rendah Kebangsaan biasa semasa tengah pelajarannya?

**Tuan Woon See Chin:** Ulang sekali lagi?

**Puan law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pelajar Melayu atau pelajar Cina, pelajar India dari sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dibenarkan bertukar ke Sekolah Rendah Kebangsaan biasa semasa tengah pelajarannya?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini bahagian sekolah di Kementerian sudah memberi satu garis panduan untuk menimbang pertukaran aliran itu tetapi sebab saya tidak bawa Sekular itu, saya tidak jawab, tetapi saya akan hantar kepada Yang Berhormat.

#### LAPANGAN TERBANG BARU SIBU - PEMBINAAN

**2. Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimana kedudukan projek pembinaan lapangan terbang baru Sibu setakat ini, dan apakah tindakan telah/akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin tersiapbinanya lapangan terbang itu pada tahun 1993.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sedang diambil bagi melaksanakan pembinaan sebuah Lapangan Terbang Baru di Sibu. Pada masa ini kerja-kerja rekabentuk bagi kerja-kerja civil telah siap manakala rekabentuk bagi kerja-kerja bangunan hampir siap.

Perlaksanaan package kerja-kerja civil akan dimulakan sebaik sahaja rundingan bagi memilih kontraktor yang sesuai dapat diselesaikan sebelum akhir tahun ini. Pemilihan untuk kontraktor yang sesuai untuk kerja-kerja pembangunan akan dibuat setelah kerja-kerja rekabentuk disiap kelak.

Walaupun terdapat sedikit kelewatan di dalam memulakan kerja-kerja pembinaan disebabkan rundingan-rundingan yang sedang berjalan dengan pihak kontraktor, Kerajaan akan berusaha memastikan projek ini disiapkan selewat-lewatnya pada akhir tahun 1993 sepertimana yang dijadualkan.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bilakah rancangan untuk membesarkan Lapangan Terbang Kota Bahru, Pengkalan Cepa akan dimulakan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Isnail:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kaitan dengan soalan asal sebab ini Lapangan Terbang Sibul.

#### PELABURAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI

3. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh Kerajaan di luar negeri dan:

- (a) nyatakan negeri manakah yang telah menjadi tumpuan Kerajaan dalam membuat pelaburan yang tersebut itu dan nyatakan jumlah dan bentuk pelaburan yang dibuat;
- (b) nyatakan jumlah faedah dan keuntungan yang telah diperolehi hasil dari pelaburan yang tersebut itu; dan
- (c) bagaimanakah bentuk kawalan yang dibuat itu tidak mengalami kerugian.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan Kerajaan di luar negeri pada masa ini hanyalah sebanyak kira-kira M\$125.9 juta. Ia dibuat untuk tujuan-tujuan yang tertentu dan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan.

- (a) Tempat dan bentuk pelaburan-pelaburan itu adalah seperti berikut:-

- (1) Pelaburan untuk Kumpulanwang Penjelas Hutang, dengan izin, 'Sinking Fund' di United Kingdom yang berjumlah sebanyak £23.5 juta atau kira-kira M\$101.1 juta. Ia bertujuan untuk menampung pembayaran balik pinjaman Kerajaan.
  - (2) Cagaran tetap sebanyak f1 juta atau kira-kira M\$4.3 juta untuk Commonwealth Fund for Technical Corporation di United Kingdom di mana pulangan yang diterima daripada cagaran tetap itu menjadi sumbangan untuk tabung berkenaan; dan
  - (3) Penyertaan ekuiti dalam:-
    - (i) International Finance Corporation di Amerika Syarikat sebanyak US\$7.7 juta atau kira-kira M\$20 juta.
    - (ii) Asean Soda Ash di Thailand sebanyak Baht 3.9 juta atau kira-kira M\$390.000.
    - (iii) Asean Copper Products Incorporated di Filipina sebanyak P975,000 atau kira-kira M\$75,000.
- (b) Pada masa ini hanya sumbangan dalam kumpulanwang Penjelas Hutang sahaja yang mendatangkan pulangan kepada Kerajaan iaitu sebanyak £21.25 juta atau kira-kira M\$91.4 juta berbandiag dengan caruman asal sebanyak £2.25 juta atau kira-kira M\$9.7 juta. Pelaburan-pelaburan dalam Asean Soda Ash dan Asean Copper Products masih belum mendatangkan hasil kerana pelaksanaan projek-projek tersebut masih

belum bermula. Pelaburan dalam International Finance Corporation tidak bertujuan untuk mendapatkan keuntungan kerana ia merupakan sumbangan negara kita sebagai ahli badan tersebut;

- (c) Mengenai kawalan pula pelaburan dalam Kumpulanwang Penjelas Hutang adalah diuruskan oleh pihak "Crown Agent", manakala pelaburan dalam badan-badan lain adalah dikawal melalui penyertaan kita dalam badan-badan yang berkenaan.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan, apakah terjadi kepada pelaburan Kerajaan yang telah dilaburkan yang telah ditanggungjawabkan kepada MUC iaitu Malaysian Overseas Investment Corporation, Dengan izin?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelaburan yang dibuat melalui MOIC sebenarnya telah terdapat banyak syarikat-syarikat yang terbabit sebagai pemegang saham dalam MOIC ini. Dan saya fikir Kerajaan hanya sebahagian kecil sahaja menyumbangkan modal dalam syarikat ini. Jadi, saya tidak dapat memberikan angka-angkanya pada masa ini.

**Tuan K. Sivalingam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah negara kita membuat pelaburan di negara-India? kalau ia dalam sektor apakah pelaburan telah dibuat dan berapakah keuntungan yang diperolehi dalam pelaburan tersebut?



**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya pada soalan yang asal, kita hanya membuat pelaburan iaitu Kerajaan sebanyak \$125.9 juta sahaja dan saya telah menerangkan tempat-tempat di mana kita laburkan duit seperti yang saya sebut tadi dan ianya tidak termasuk di India.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Belum puas hati, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Mencari telah menyatakan Kerajaan ada campurtangan sedikit-sebanyak melalui syarikat-syarikat tertentu. Saya ingin tahu apakah terjadi kepada MOIC kerana sedikit-sebanyak telah merosakkan imej negara kita melalui MOIC ini. Saya ingin tahu apakah terjadi, sudah matikah atau hidup?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal yang dikemukakan ini khusus menanyakan jumlah pelaburan Kerajaan di luar negeri. Jadi, sebab itu saya telah sediakan jawapan ini, khusus untuk menjawab tentang pelaburan Kerajaan di luar negeri. Pelaburan melalui MOIC ini adalah merupakan pelaburan secara syarikat swasta, sebab itu jawapannya tidak sama dengan yang ini. Yang Berhormat bolehlah mengemukakan kepada Kerajaan untuk menanyakan apakah yang terjadi kepada MOIC, kerana tidak termasuk dalam bidang skop soalan ini.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM

**4. Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tegas dan segera yang telah dirancang bagi mengatasi masalah pendatang haram pelarian Vietnam yang kian meningkat dan membebankan negara kita.

**Puan Ainon binti Ariffin:** "Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 4 tetapi telahpun dijawab oleh Timbalan Menteri Luar negeri cuma kalau sekiranya ada pertambahan jawapan, saya memohon izin [Kecewa].

#### DERMA DARAH - GALAKAN

**5. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah masalah yang dihadapi dalam usaha menggalakkan orangramai menderma darah. Apakah intensif akan disediakan demi menggalakkan lebih ramai orang supaya menderma darah.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan orangramai menderma darah, terdapat masalah-masalah yang dihadapi, misalnya kurangnya kesedaran di kalangan orangramai akan pentingnya menderma darah itu juga sikap masyarakat yang beranggapan bahawa menderma darah bukanlah tanggungjawab mereka serta kepercayaan yang kononnya menderma darah juga akan membahayakan kesihatan.

Mengikut makluman yang kita ada, tidak ada sebarang tindings, dengan izin, yang telahpun terjumpa yang mengaitkan pendermaan darah itu dengan sebarang penyakit tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiap-tiap pendermaan darah itu akan dikaji akan kebersihannya daripada sebarang penyakit sebelum ianya dimasuk, dengan izin, di'transtuse' bagi pihak yang menerima darah yang tersebut daripada sebarang penyakit seperti AIDS dan Hepatitis.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat kenaikan jumlah orang-orang yang menderma darah daripada tahun 1983 sampai 1988. Misalnya, dalam tahun 1983, sebanyak 120,065 orang telah menderma darah tetapi tahun 1988, ia bertambah lebih daripada 100% kepada lebih kurang 270,000 orang. Ini menunjukkan bahawa penermaan darah telahpun meningkat dan orang-orang yang menderma darah juga telahpun meningkat.

Di samping itu, terdapat juga orangramai yang masih beranggapan bahawa dengan menderma darah mereka akan dapat balasan yang tertentu. Mereka perlu sedar bahawa menderma darah merupakan amalan bakti kepada semua manusia, sesama manusia, dan sumbangan mereka adalah sumbangan sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan sama ada dari segi nama, wang, harta ataupun beada ataupun lain-lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, dengan adanya kempen-kempen derma darah, penglibatan persatuan-persatuan dan badan-badan sukarela serta pendidikan kasihatan, kesedaran mengenai pentingnya menderma darah telah dapat mempertingkatkan lagi dan bilangan penderma-penderma darah seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Insentif yang diberi kepada penderma-penderma darah ialah bagi menderma 15 kali ataupun kurang, mereka mendapat kecuialian sepenuhnya daripada caj-caj ataupun sebarang bayaran rawatan dan caj-caj rawatan di dalam wad kelas dua ataupun rawatan pesakit luar percuma bagi tempoh 4 bulan selepas menderma kali yang terakhir. Bagi yang menderma 16 kali hingga 40 kali, mereka mendapat pengecuialian sepenuhnya daripada caj-caj ataupun bayaran di atas bagi tempoh yang sama dan selepas itu setengah daripada caj-caj di atas dan rawatan-rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir.

Bagi yang menderma 41 kali dan lebih, mereka mendapat pengecualian sepenuhnya daripada caj-caj di atas dan rawatan pesakit luar percuma pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping keistimewaan-Keistimewaan yang sedia ada, di mana boleh ataupun perlu pihak hospital akan cuba memberi keutamaan kepada penderma-penderma yang datang untuk mendapatkan rawatan pesakit luar. Pihak hospital juga akan mengeluarkan sijil penghargaan kepada penderma-penderma darah tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan sentiasa mengharapkan supaya orang ramai datang menderma darah secara sukarela dan tidak mengharapkan apa-apa balasan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bercadang mengadakan selain daripada memberikan didikan kesedaran kepada orang ramai untuk menderma darah kerana ada setengah-setengah pihak telah mengatakan anggapan yang silap bahawa pendermaan darah itu akan mengancam kesihatan seseorang. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadang kepada Kementerian Kesihatan supaya mengadakan pendermaan darah di antara Ahli-ahli Kabinet dan Ahli-ahli Yang Berhormat dan memupuk semangat kepimpinan melalui teladan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, insya Allah pada sesi akan datang.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah bilangan penderma darah pada tahun lepas dan sedarkah ada orang perseorangan yang menderma darah sebagai satu jalan mencari wang yang dikehendaki?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, telahpun saya sebutkan tadi angka-angka bahawa bilangan penderma darah sudahpun meningkat daripada tahun 1983 sampai tahun 1988. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat Ingin mengetahui jumlah pada tahun 1988 ia adalah sebanyak 270 ribu lebih kurang.

Untuk soalan yang kedua, mungkin ada terdengar atau terbaca di akhbar-akhbar yang mengatakan ada orang-orang tertentu telah menggunakan diri mereka untuk menderma darah itu sebagai satu cara jalan untuk mendapatkan pendapatan. Seperti yang telahpun saya sebutkan tadi bahawa pendermaan darah kepada hospital-hospital tidak langsung memberi harapan kepada sebarang balasan wang ataupun hartabenda tetapi kita telahpun memberi keutamaan tertentu yang telahpun saya sebut tadi, tentang rawatan-rawatan sebagai pesakit luar ataupun semasa ia dimasukkan di dalam wad, tetapi mengikut dasar Kementerian kita tidak membenarkan orang mengharap bayaran daripada pendermaan darah tersebut.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara bilangan orangramai yang menderma darah yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin tahu kaum manakah yang paling ramai menderma darah, kaum manakah pula yang paling kurang yakni dari segi peratusannya dan dari segi penggunaannya pula kaum manakah yang paling ramai menggunakannya?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam rekod, kita tidak sebenarnya mencatatkan secara jelas adakah mana-mana kaum menderma tetapi pada umumnya saya ingat pendermaan darah itu dibuat secara ikhlas dan tidaklah kita menentukan adakah seseorang itu perlu menderma untuk sesuatu kaum. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada kepercayaan sesuatu kaum itu dan saya ingin menyatakan dengan Ikhlas di sini bahawa kaum yang kurang sekali menderma darah ialah kaum Cina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan G. Rajoo. Saya benarkan satu sahaja soalan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan bukan menderma ialah ini menjual darah [**Ketawa**]. Pada masa sekarang ada kurang menjual darah di tempat-tempat tetapi masih lagi ada, menjual darah. Baru-baru ini saya sendiri telah mengalami satu pengalaman pahit di Hospital Besar Ipoh. Ada orang meminta wang daripada keluarga saya untuk menderma darah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan untuk menghapuskan penjualan darah dengan sekali gus?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebutkan tadi, jawapan saya telah jelas mengatakan bahawa pendermaan darah ke hospital tidak langsung memberi sebarang bayaran ataupun harapan untuk mendapat balasan secara hartabenda tetapi selalunya adalah mengikut amalan biasa hospital jika sekiranya seseorang itu memerlukan constitution maka kita meminta supaya keluarganya yang terdekat ataupun yang mempunyai darah yang sejenis dengannya ataupun jenis 'O' menderma terhadapnya. Tetapi sekiranya

kurang mungkin keluarga itu boleh berusaha mencari orang luar daripada kaum kerabat mereka untuk menderma darah. Mungkin ketika itu akan timbul masalah bayaran tersebut yang bukan ada kaitan dengan hospital. Ini mesti dijelaskan dengan terang sebab ini bukan dasar Kerajaan untuk memberi wang ringgit untuk darah. Ini satu perkara yang bukan mainan. Saya harap jawapan ini jelas.

#### **POLIS - TUGAS MENCEGAH JENAYAH**

**6. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bertambah banyak dan kerap kali berlaku rompakan terutamanya di kawasan-kawasan perumahan, terutamanya di waktu kerja, isteri atau pembantu rumah saja yang tinggal di rumah, tidakkah boleh diperbanyakkan polis ronda lebih kerap untuk mengawasi kawasan tersebut terutamanya di Pulau Pinang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis bukan sahaja telah memperbanyakkan rondaan-rondaan tetapi telah mempergiatkan lagi langkah-langkah pemeriksaan, pengawasan dan sekatan-sekatan jalanraya terutamanya di kawasan-kawasan yang sering terdedah kepada sasaran penjenayah. Usaha-usaha pihak polis dalam membanteras dan mencegah jenayah ini sudah tentu akan menjadi lebih berkesan lagi jika orangramai juga memperketatkan lagi langkah-langkah menjaga keselamatan harta benda mereka seperti menyimpan barang-barang berharga di tempat yang selamat, menggunakan alat-alat keselamatan seperti kunci, alat-alat penggera atau alam atau menubuhkan kumpulan pengawasan kejinanan. Pihak polis juga telah mengadakan ceramah-ceramah, dailog dan pameran-pameran mencegah jenayah yang bertujuan untuk menyedarkan

orangramai supaya mengawasi keselamatan diri dan harta benda serta mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya. Oleh itu kerjasama orangramai di samping langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis adalah perlu.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pihak polis kerana saya telah memerhatikan bahawa pihak polis khususnya di negeri Melaka telah menambahkan perondaan di kawasan-kawasan perumahan. Tetapi satu perkara yang ingin saya kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat sedar ataupun tidak bahawa kerana kekurangan kenderaan khususnya motosikal, bahawa setengah-setengah anggota polis terpaksa berjalan kaki untuk meronda kawasan perumahan yang begitu luas. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, atas perkara ini pihak Kementerian memang sedar dan Pasukan Polis Di-Raja Malaysia sedang mengkaji tentang kenderaan-kenderaan ini dan akan cuba untuk menambah dan mengganti kenderaan-kenderaan yang sudah rosak ataupun lama dan akan menambah lagi kenderaan-kenderaan yang sedia ada mengikut peruntukan yang ada.



**PEMBAKABAN MERCUN - PENGHARAMAN**

**7. Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah cadangan untuk mengharamkan pembakaran mercun di negara ini seperti di Negeri Hong Kong dan Singapura. Mercun membawa maut, membazir wang dan mencemarkan alam sekitar serta mengganggu ketenteraman penduduk di persekitarannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya telah menjadi dasar Kerajaan mengharamkan pembakaran mercun kecuali beberapa hari tertentu pada musim-musim perayaan, Oleh itu Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu khuatir dengan ketegasan pendirian. Kerajaan berhubung dengan masalah ini.

Kerajaan memang sentiasa mengkaji dasar pembakaran mercun ini dari semasa ke semasa. Sekiranya didapati keadaan tidak sesuai, maka Kerajaan tidak akan memberi kelonggaran membakar mercun iaitu seperti yang telah dibuat pada Hari Raya Puasa pada bulan Mei, 1989 yang lalu.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang menghargai adanya sikap tolakansur dan toleransi di pihak Kerajaan yang membenarkan pembakaran mercun ini dilakukan pada masa-masa perayaan terutama sekali semasa menyambut Tahun Baru Cina. Soalan tambahan saya ialah saya difahamkan bahawa salah satu sebabnya ialah pembakaran mercun pada menyambut Tahun Baru Cina ini sudah menjadi suatu tradisi, satu kepercayaan dengan anggapan semakin bising mercunnya, semakin baiklah dari segi perkembangan ekonominya bagi tahun yang berikutnya. Jadi, saya ingin bertanya kalau kita fikirkan inilah kepercayaannya dan jika dibandingkan di antara kepercayaan dengan keselamatan ini mana lebih berat, sebabnya kalau kita kirakan Singapura dan Hong Kong sedang mengharamkan pembakaran mercun tetapi ekonominya baik juga?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, setelah mengikuti forum dalam pendapat-pendapat individu dalam akhbar Utusan Malaysia saya dapati bahawa ini bukan merupakan suatu kepercayaan atau tradisi kepada kaum Cina kerana ramai daripada kaum-kaum Cina yang telah menulis dan memberikan pendapat dalam ruang tersebut yang mengatakan tidak ada kena mengena dengan kepercayaan dan tidak ada kena mengena dengan untung atau rugi perniagaan. Itu jawapan kepada soalan pertama.

Berkenaan dengan, soalan yang kedua, saya fikir tentulah keselamatan lebih penting daripada segala-galanya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi berkenaan dengan tradisi dan kepercayaan masyarakat Cina ini, saya tidak bersetuju dengan pandangan satu-dua orang yang menulis artikel berkenaan. Kemungkinan mereka menyatakan pandangan diri sendiri, tidak boleh mewakili majoriti kaum Cina.

#### ORANG UTAN - MASKOT NEGARA

**3. Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff :** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan ciri-ciri yang menentukan Kementerian memilih "Orang Utan" sebagai lambang (mascot) Tahun Melawat Malaysia 1990 dan kenapa tidak digunakan terus lambang "Penyu" yang digunakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sebagai lambang Tahun Melawat Malaysia 1990,

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Saman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai maskot Orang Utan, terlebih dahulu suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Orang Utan bukannya maskot untuk Tahun Melawat Malaysia 1990. Saya ulangi, bahawa Orang Utan bukannya mascot untuk Tahun Melawat Malaysia 1990, tetapi hanya adalah merupakan mascot

negara Mascot Orang Utan juga bukanlah bertujuan untuk menggantikan penyu yang selama ini digunakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan sebagai logonya. Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) akan terus menggunakan penyu sebagai logonya. Selalunya pemilihan mascot untuk sesuatu negara adalah berdasarkan kepada ciri-ciri seperti binatang tersebut terdapat di negara yang berkenaan dan ianya mempunyai sifat-sifat yang unik dan menarik kepada manusia. Dalam hal ini Orang Utan dipilih sebagai mascot negara berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:

- (1) Orang Utan merupakan antara haiwan yang paling cerdik dan boleh ditunjukajar.
- (2) Orang Utan merupakan haiwan yang unik yang hanya terdapat di negeri-negeri Sabah dan Sarawak serta Kalimantan dan Sumatera, Indonesia sahaja.
- (3) Perkataan Orang Utan adalah perkataan bahasa Melayu yang sudahpun terkenal di seluruh dunia.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT/BRITAIN - HASIL

**9. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah ekonomi dan politik hasil lawatan rombongan pelaburan rasmi Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain baru-baru ini.

#### 10.7.89.

**23. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah pada 10hb Julai, 1989 kerana kedua soalan-soalannya adalah sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ka luar negeri baru-baru ini, beliau telah mengadakan perbincangan dengan beberapa ahli usahawan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengundang mereka untuk mengadakan dialog lebih kerap lagi dengan usahawan-usahawan Malaysia bagi bekerjasama dan meningkatkan lagi penanaman modal mereka di negara iai.

Sukacita dimaklumkan bahawa usahawan-usahawan asing ini telah memberi jaminan akan terus melabur dan meningkatkan lagi penyertaan mereka di Malaysia. Dengan, adanya sambutan yang menggalakkan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri percaya dan yakin bahawa arus pengaliran masuk pelaburan luar negeri ke Malaysia akan meningkat di masa akan datang.

Dalam kerjasama membanteras penyalahgunaan najis dadah di peringkat antarabangsa, Britain telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian perampasan harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah. Persetujuan ini akan membantu Malaysia dalam usaha-usahnya membasmi pengedaran serta penjualan najis dadah olah sindiket-sindiket.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Amerika Syarikat mengenai perampasan harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah. Saya berharap bahawa kita akan dapat juga menandatangani perjanjian yang sama dengan negara-negara yang lain kelak untuk meluaskan lagi kerjasama itu.

Saya ingin menambah bahawa di Britain, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah merasmikan cawangan Bank Negara. Ini

akan mengukuhkan lagi hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain memandangkan bahawa penyertaan Britain dalam sektor korporat di Malaysia adalah besar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan Pengerusi-pengerusi Syarikat GEC, British Aerospaca dan Lotus Motors yang bersetuju untuk mengambil pelajar-pelajar Malaysia yang masih menganggur untuk berlatih sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain.

Dari segi politik ia telah memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memupuk persefahaman peribadi dengan Presiden Bush dan Puan Margaret Thatcher dan untuk bertukar-tukar pendapat dan fikiran mengenai isu-isu duahala dan juga isu antara-bangsa yang berkepentingan bersama seperti persoalan-persoalan Kampuchea dan Palestine.

#### CUKAI PERTAMBAHAN NILAI (VAT) - PELAKSANAAN

**10. Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kajian perlaksanaan cukai pertambahan nilai (VAT) yang dicadangkan mengambil kira pengalaman di banyak negara lain yang menunjukkan akibat kemungkinan kenaikan harga barang-barang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan perlaksanaan dan kutipan yang **licin**, berkesan dan terutama sekali:

- (1) tidak meningkatkan lagi kos perniagaan; dan
- (ii) tidak akan membebankan rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan cukai pertambahan nilai (value added tax - VAT) masih lagi di peringkat kajian sahaja, maka adalah sukar bagi saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan ini.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini kajian yang dijalankan oleh Kementerian saya mengenai cukai tersebut akan antara lain mengambil kira kesan cukai ini ke atas golongan-golongan yang berpendapatan rendah bertujuan untuk menentukan cukai tersebut tidak membebankan golongan-golongan tersebut.

#### BANTUAN BEKAS JAGUH BOLASEPAK NEGARA

II. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah tindakan/usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu bekas jaguh Bolesepak Negara Mokhtar Dahari yang telah banyak berjasa mengharumkan negara dalam lapangan sukan (bolasepak) dari segi:
  - (i) Rawatan/Perubatan;
  - (ii) Perbelanjaan Sara Hidup; dan
  - (iii) Persekolahan anak-anak dan yang lain-lain, keperluan yang ada hubungkait dengan masalah yang dihadapinya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat jangan minta soalan tambahan banyak-banyak oleh kerana saya kurang memahami hal/ehwal Kementerian ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh juga bertanya dan jawapan itu akan diberi tetapi melalui surat - pegawai-pegawai petugas Kementerian ini ada di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan ini ialah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia ialah menyumbangkan sebanyak \$20,000 kepada Bantuan Tabung Supermokh yang dikendalikan oleh pihak Persatuan Bolasepak Selangor yang telah diadakan pada 20hb Mei, 1989. Di samping itu Majlis Sukan Negara dengan kerjasama PAPITA (Persatuan Penyanyi-penyanyi Tanahair) telah mengadakan satu perlawanan bolasepak di antara Pasukan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dengan artis-artis tanahair pada 27hb. Mei, 1989 dan berjaya mengumpulkan sebanyak lebih daripada \$8,000 untuk Tabung Supermokh.

Setakat ini sebanyak lebih \$200,000 telah dikumpulkan daripada orang ramai bagi mengisi tabung tersebut. Bagi rawatan dan perubatan Mokhtar Dahari, pihak Perastuan Bola Sepak Selangor akan mengendalikannya.

Tabung Amanah Supermok yang diwujudkan oleh pihak Persatuan Sola Sepak Selangor akan memastikan perbelanjaan sara hidup Mokhtar Dahari serta keluarganya dijamin pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua Kerajaan Selangor Darul Ehsan telah memberi jaminan untuk menyara persekolahan anak-anak Mokhtar Dahari serta lain-lain keperluan yang ada hubung-kait dengan masalah yang dihadapi oleh beliau. Sekian, sahaja.

**Tuan Azumu Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu sahaja oleh kerana Kementerian Belia dan Sukan dia ada seorang Menteri, seorang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen kenapa daripada ketiga-tiga ini takkan salah seorang pun tidak boleh datang. Kenapa pula diminta Timbalan Menteri Kewangan sendiri menjawab. Itu saya ingin tahu. **[Tepuk]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh beri jawapannya, Yang Berhormat?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang tahu mengapa. Mungkin Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan tidak dapat hadir oleh kerana.....



**Tuan Azman Atar bin Othman:** Takkan daripada ketiga-tiga, seorang pun tidak hadir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, kita pindah ke soalan lain.

#### PERUNTUKAN KBSR KEPADA SEKOLAH RENDAH

**12. Tuan Abdul Manap bin Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar peruntukan KBSR untuk Sekolah Rendah dihentikan sejak adanya KBSM di Sekolah Menengah awal tahun ini. Jika benar ini akan mendatangkan kesan yang kurang baik untuk kemajuan pelajaran di Sekolah Rendah. Lebih-lebih lagi Sekolah Rendah di luar bandar yang tidak ada punca kewangan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan KBSR kepada sekolah-sekolah rendah tidak lagi diberi sebaik sahaja semua sekolah mengikut KBSR sepenuhnya. Sungguhpun demikian, Kementerian ini mendapati ianya tidaklah menjejaskan prestasi atau mendatangkan kesan yang kurang baik untuk kemajuan pelajaran di sekolah rendah. Sekolah-sekolah rendah masih terus menerima bantuan-bantuan matapelajaran yang lain serta beberapa bantuan lain seperti bantuan bagi perbelanjaan-perbelanjaan berulang setiap tahun, penyelenggaraan bangunan sekolah, alat gantian perabot dan sebagainya untuk membantu dalam kemajuan pelajaran di sekolah-sekolah rendah.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa memberi perhatian dari masa ke semasa akan perkara ini supaya kemajuan pelajaran di sekolah-sekolah rendah tidak terjejas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tuan Yang di-Pertua, adakah disebabkan oleh berhentinya peruntukan KBSR di sekolah-sekolah rendah ini menyebabkan ujian UPSR pada tahun lepas, keputusannya amat mendukacitakan dan apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan keputusan itu agak tidak begitu menggalakkan. Yang keduanya, mungkin luar sedikit daripada soalan asal, apakah cadangan Kementerian baru-baru ini untuk memendekkan pembelajaran di sekolah rendah daripada 6 tahun ke 5 tahun akan diteruskan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, prestasi atau pencapaian UPSR di semua aliran sekolah itu tidak terjejas seperti, yang sudah dibayangkan dalam satu jawapan saya kepada Yang Berhormat Tuan G. Rajoo di sidang Dewan Negara ini pada bulan Mac yang lalu. Di Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan, pencapaiannya adalah: Bahasa Malaysia (Ujian Kefahaman) - Kelulusan, 76.6%; Ujian Penulisan, 59.7%; Tulisan dan Bacaan, 87.6%, Matematik, 68.5% dan bahasa Inggeris, 69.1% dan untuk sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pun angkanya adalah sama. Di Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan pencapaian lebih baik dalam ujian penulisan dan bahasa Inggeris. Sebab itu saya berpendapat bahawa pencapaian itu tidaklah terjejas.

Berkaitan dengan cadangan Kementerian untuk memendekkan pelajaran dari 6 tahun ke 5 tahun di Sekolah Rendah itu, itu satu cadangan yang sedang dikaji dan belum diputuskan lagi.

#### TELEFON - BAYARAN SAMBONGAN SEMULA

**13. Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai masalah jumlah denda yang dikenakan kepada pengguna-pengguna telefon biasa dan pengguna-pengguna telefon wireless. Kenapa pengguna-pengguna telefon dikehendaki membayar sebanyak \$50.00 jika telefon mereka dipotong dan dipasang semula. Tetapi pengguna-pengguna wireless telefon hanya didenda \$5.00 kalau telefon mereka dipotong dan dipasang semula. Ini nyata tidak adil, kerana kebanyakan pengguna-pengguna telefon wireless kebanyakannya terdiri daripada orang kaya. Dalam kes ini orang-orang yang tidak berada dikehendaki membayar lebih denda, dan sama ada Syarikat Telekom Malaysia dapatlah mengkaji perkara denda ini dengan teliti.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran semula telefon biasa pada asalnya adalah \$10.00. Bayaran ini telah dinaikkan menjadi \$50.00 mulai bulan Julai 1985 setelah satu kajian semula terhadap keseluruhan kadar dan tarif bayaran perkhidmatan telefon dibuat.

Perkhidmatan ATUR atau perkhidmatan telefon mengguna sistem radio telah mula diperkenalkan di negara ini dalam bulan Januari 1985 oleh kerana perkhidmatan ini adalah satu perkhidmatan yang berbeza dari perkhidmatan telefon biasa. Kadar dan tarif perkhidmatannya ditetapkan secara berasingan. Kadar bayaran sambungan semula perkhidmatan ini semasa pelancaran adalah \$10.00.

Pihak STM dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah menyedari perbezaan ini dan telah mula mengambil tindakan dalam bulan Januari 1988 untuk menseimbangkan kadar bayaran pemotongan ini bagi menjadikan sama seperti bayaran telefon biasa iaitu \$50.00. Kadar baru ini telah mula berkuatkuasa pada bulan Januari 1989.

Saya ingin menambah di sini bahawa tujuan STM menaikkan bayaran penyambungan semula ini bukanlah untuk menjadikan sebagai satu punca hasil tetapi ia bertujuan untuk dijadikan sebagai satu peringatan kepada pelanggan-pelanggan supaya sentiasa menjelaskan bil telefon mereka dalam masa yang ditetapkan.

**Tuan K. Sivalingan:** Tuan Yang di-Partua, soalan tambahan. Apabila telefon dipotong perkhidmatan kerana tidak membuat bayaran apabila seseorang menelefon ke nombor berkenaan, pihak telefon memberitahu bahawa perkhidmatan telah diberhentikan sebentar. Ini akan akan memalukan subscriber, dengan izin. Bolehkah Kementerian, mengambil tindakan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada juga pelanggan-pelanggan malu, bayarlah dengan tepatnya, jika tidak sudah tentu malu. Malupun kena tindakan juga jikalau tidak malu, dia tidak bayar, lima tahun pun dia tidak bayar. Di Jabatan Telekom atau STM ini kita tidak boleh memberitahu tiap-tiap pelanggan bilakah mereka bayar dan bilakah kita akan memotong. Itu susah, oleh kerana kita ada berjuta-juta telefon di seluruh tanahair kita.

#### TANAMAN ANGGUR DAN EPAL

**14. Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah atau tidak rancangan Kerajaan hendak menanam anggur dan epal di negara ini. Kalau tidak kenapa. Sudahkah kajian dan percubaan dibuat dan di mana.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, epal ialah sejenis buah-buahan kawasan hawa sejuk dan sederhana. Oleh itu tanaman ini tidak sesuai ditanam di negara ini khususnya di daratan rendah. Bagaimanapun, hasil dari penyelidikan menunjukkan bahawa epal agak sesuai ditanam di dataran yang mempunyai ketinggian melebihi 4,000 kaki di atas paras laut. Kesesuaian ini didapati terhadap kepada beberapa jenis epal sahaja iaitu seperti "Rome Beauty" dan "Granny Smith". Di samping itu kos pengeluaran epal di dataran tinggi adalah tinggi. Berasaskan kepada aspek tersebut maka Kerajaan tidak menggalakkan penanaman epal di negara ini.

Seperti epal, anggur juga berasal dan ditanam secara meluas di negara-negara berhawa sederhana. Kini terdapat beberapa jenis seperti "White Malaga" dan "Gardinal" yang sesuai ditanam di negara-negara tropika seperti Thailand. Jenis-jenis tropika didapati sesuai ditanam di kawasan-kawasan yang mempunyai kemarau yang panjang iaitu 4-6 bulan. Di kawasan-kawasan yang mempunyai jumlah hujan yang tinggi didapati anggur tidak produktif dan tidak ekonomik diusahakan. Kos pengeluaran anggur juga adalah tinggi. Memandangkan bahawa di Malaysia kawasan yang mempunyai musim kemarau yang panjang agak kurang dan terhadap, maka Kerajaan tidak menggalakkan penanaman anggur secara besar-besaran di negara ini.

Kajian ke atas tanaman epal dibuat oleh MARDI di stesen penyelidikannya di Cameron Highlands, jenis didapati berbuah setelah

dilakukan pengguguran dauu dan memegang dahan ialah "Rome Beauty" dan "Granny Smith". Hasil yang diperolehi adalah terlalu rendah dibandingkan dengan pengeluaran jenis-jenis ini di negara beriklim sederhana.

Percubaan ke atas tanaman anggur dijalankan oleh MARDI dan juga Universiti Pertanian Malaysia. Beberapa jenis diuji dari segi kesesuaiannya. Sehingga ini maklumat pengeluaran hasil belum lengkap diperolehi. Janis yang dijangka berpotensi ialah "White Malaga" dan "Cardinal".

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian pada masa ini tidak mempunyai rancangan untuk menanam anggur dan epal di negara ini, kerana kedua-dua tanaman tersebut kurang sesuai dari segi "agro iklim" dan tidak berdaya maju dari segi kewangan. Kementerian pada masa ini menumpukan program pembangunan kepada beberapa jenis buah-buahan tempatan terpilih yang sesuai ditanam di negara ini.

**Tuan Azman Atar bin Othman;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa pengimportan kedua-dua buah-buahan ini juga tidak digalakkan secara besar-besaran?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak sangat menggalakkan buah-buahan daripada luar negeri ini diimport ke negara kita memandangkan bahawa buah-buahan kita sendiri pun mempunyai mutu yang agak tinggi, umpamanya buah belimbing pada hari ini mendapat pasaran yang begitu hangat di luar negeri; begitu juga dengan betik eksotika dan banyak lagi buah-buahan yang lain yang boleh mengambil tempat ini.

Walau bagaimana sekalipun, kita masih mengimport lagi, pada tahun 1988 ini berhubung dengan epal sejumlah 23,016.87 metrik tan yang bernilai 550,997,810. Begitu juga dengan anggur, pada tahun 1988 kita masih mengimport tidak kurang daripada 3,515.16 metrik tan yang bernilai \$14 juta lebih. Suka saya nyatakan bahawa eloklah bagi kita rakyat Malaysia pada hari ini mengurangkan dari segi menggunakan buah-buahan daripada negara asing dan menumpukan sepenuhnya penggunaan mereka kepada buah-buahan tempatan. Bukan sahaja ianya dapat meningkatkan jumlah pengeluaran buah-buahan tempatan malah ia juga akan menjadi satu daya penarik kepada petani-petani kita khususnya siswazah-siswazah untuk nencebur diri dalam bidang penanaman pokok buah-buahan tempatan ini.

#### UNDANG-UNDANG BURUH - MENGUBAHSUAIKAN

**15. Tuan C. Krishnan minta Menteri Buruh:** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengubahsuaikan undang-undang buruh untuk memberikan lebih kuasa bagi Ketua Pengarah Kesatuan untuk mengawasi dan menentukan disiplin kewangan di kesatuan-kesatuan memandangkan bahawa baru-baru iai sumbangan-sumbangan para ahli daripada suatu kesatuan dibazirkan oleh pemimpin kesatuan yang kurang bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untul]:** Tuan Yang di-Pertua, Kesatuan Sekerja didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja, 1969 dan ditadbir mengikut peraturan-peraturan yang diluluskan. Peraturan-peraturan ini dengan jelasnya menetapkan cara tabung kesatuan boleh dikutip dan tujuan-tujuan perbelanjaannya. Akta Kesatuan Sekerja, 1969 juga memperuntukkan tabung Kesatuan sekerja perlu diaudit oleh juru audit dalam dari masa ke semasa dan oleh juru audit luar sekali setahun.

Laporan juru audit luar akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja setiap tahun. Juru audit luar ini tidak boleh mengaudit akaun sesebuah kesatuan lebih daripada tiga tahun



berturut-turut. Jika benar berlaku penyalahgunaan wang tabung kesatuan sekerja, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mempunyai kuasa di bawah seksyen 63(1) Akta Kesatuan Sekerja 1969 dan mendakwa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Ahli-ahli kesatuan juga mempunyai kuasa di bawah Akta ini untuk membuat aduan kepada mahkamah. Adalah difikir bahawa peruntukan undang-undang ini mencukupi bagi mengawasi keadaan sekarang.

#### BADAN PENCEGAH RASUAH - ADUAN ORANG RAMAI

**16. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) jumlah aduan daripada orang ramai (termasuk surat layang) mengenai rasuah yang diterima oleh SPR sejak 3 tahun yang lalu;
- (b) jumlah kakitangan Kerajaan dan orang ramai terbabit dengan kes berkenaan dalam tempoh tersebut;
- (c) jumlah kakitangan BPR terbabit dengan rasuah dan penyelewengan kuasa dalam tempoh berkenaan; dan
- (d) usaha gigih Kerajaan membanteras penyakit barah dalam masyarakat ini.

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman**

**[Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya menjelaskan sedikit tentang soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Azman tadi tentang ketidakhadiran Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, kerana saya rasa perlu perkara ini dijelaskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Saya yakin hasrat Yang Berhormat itu ialah untuk menarik perhatian tentang pentingnya dan seharusnya diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan tentang urusan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, kadang-kala memanglah timbul keadaan

di mana Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen terpaksa berada di satu tempat yang lain oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Dalam kes ini, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan berada di-luar negeri kerana menunaikan fardhu hajidan secara kebetulannya saya memangku jawatan itu dan oleh itu saya terpaksa memberi-sedikit penjelasan. Tentang Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, saya tidak dapat memberi penjelasan oleh kerana saya tidak diberitahu. Sebenarnya saya pun tidak tahu soalan itu telah diberi kepada Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawabnya, kalau tidak saya boleh menjawab dan, insya Allah, boleh juga menjawab soalan-soalan tambahan yang akan ditimbulkan.

Saya nyatakan perkara ini kerana Yang Berhormat juga pada satu ketika dahulu telah menyoal soalan yang serupa mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada masa itu saya menjadi Menteri di mana jawapan telah diberi dalam Dewan ini mengatakan saya cuti sakit, tetapi itu kurang tepat, sebenarnya masa itu saya terlantar di hospital.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan dalam Dewan ini dalam Parlimen boleh dijawab oleh mana-mana Menteri pun. Jadi tidaklah menjadi apa-apa kesalahan dan bukanlah merupakan tidak menghormati Dewan ini kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak hadir. Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab soalan yang ditanyakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, jumlah aduan dan maklumat yang diterima oleh Badan Pencegah Rasuah Malaysia daripada orang ramai sejak 3 tahun yang lalu iaitu dari tahun 1986-1988 ialah sebanyak 20,424 maklumat.

Mengenai soalan (b), adalah sukar untuk ditentukan jumlah sebenar kakitangan Kerajaan dan orang ramai yang terbabit dengan kes rasuah kerana tidak semua aduan dan maklumat-maklumat yang diterima itu menyatakan dengan tepat tentang bilangan, jenis atau kumpulan orang-orang yang terlibat.

Soalan (c) pula, sukalah saya memaklumkan bahawa tidak ada pegawai-pegawai BPR (Badan Pencegah Rasuah) yang didapati terlibat dengan apa-apa bentuk amalan rasuah dan penyelewengan kuasa dalam tempoh masa yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh masa berkenaan pihak BPR telah mengesan satu kes orang awam menyamar sebagai pegawai BPR dan seorang awam lagi ditangkap kerana kes yang sama pada tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari bahawa rasuah adalah satu masalah negara yang perlu diberikan perhatian yang serius. Tidak perlulah saya mengulangi lagi tentang ketegasan Kerajaan terhadap masalah rasuah kerana rakyat jelata sedia maklum mengenai kegigihan pihak Kerajaan menentang amalan rasuah. Kegigihan usaha Kerajaan memerangi rasuah dan penyelewengan secara terus menerus antara lain dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti berikut:-

- (1) Melancarkan lawatan-lawatan mengejut di kaunter-kaunter pintu masuk ke negara ini yang mana banyak berurusan dengan orangramai.
- (2) Mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai tinggi Kerajaan mengenai langkah-langkah pencegahan rasuah jika perlu.
- (3) Mempergiatkan Kempen Pencegahan Rasuah menerusi aktiviti-aktiviti dan program-program pendidikan serta perhubungan masyarakat secara inter-personal, dengan izin, atau melalui media-massa.
- (4) Mengedarkan seluas-luasnya bahan-bahan penerangan seperti poster, risalah dan bahan-bahan penerangan yang lain yang menekankan tentang ancaman serta kesan buruk rasuah.
- (5) Seterusnya menjalankan penyelidikan ke atas sistem pentadbiran Jabatan Kerajaan yang boleh membuka peluang rasuah dan membuat perakuan untuk mengatasinya.
- (6) Menganjurkan pameran, seminar dan bengkel perbincangan tentang pencegahan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, ketegasan Kerajaan dalam membanteras rasuah dan penyelewengan dibuktikan sekali lagi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Kabinet mengenai pengurusan Kerajaan pada bulan November yang lalu. Kewujudan jawatankuasa ini dapan memperkuat serta memantapkan lagi keberkesanan usaha-usaha pencegahan rasuah di dalam negara kita,

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 70an, Jabatan Perdana Menteri telah memberi satu arahan atau borang kepada semua Ketua-ketua Jabatan untuk menerima aduan daripada rakyat jelata jika ada apa-apa masalah dan boleh menyalurkan masalah-masalah itu melalui borang-borang pengaduan itu. Saya dapat tahu pada masa ini arahan itu telah diberhentikan. Bolehkah Jabatan Perdana Menteri mengkaji semula untuk memperkenalkan borang-borang itu semula?

**Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti sama ada amalan itu telah diberhentikan. Walau bagaimanapun, bolehlah kita mengkaji saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah mereka-mereka yang membuat pengaduan kepada BPR ini dijamin keselamatannya dan kerahsiaannya?

**Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya memanglah begitu di mana kita merahsiakan informers, dengan izinnya, ataupun mereka yang memberi maklumat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 17 bingga 53 adalah.....]**

## USUL

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA  
1986-1990**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan, bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini.

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. [6hb Julai, 1989]

**4.08 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji

Araby bin Md. Salih untuk menyambung ucapan petang semalam.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato' Haji Sabbaruddin Chik berkata bahawa dianggarkan seramai 4.2 juta orang akan melawat negara ini sempena dengan program Tahun Melawat Malaysia 1990.

Rakyat Malaysia dari semua lapisan khususnya peniaga-peniaga kecil dan besar berasa bangga dengan usaha gigih yang dijalankan oleh Kementerian beliau bagi memajukan industri pelancongan yang mana boleh membawa kekayaan bagi Malaysia serta menjadi masyhur di seluruh dunia.

Di samping itu, perlu juga Kementerian beliau mengenalpasti latarbelakang mereka yang melancong ke negara ini kerana takut-takut wang asing yang kita harap-harapkan mengalir ke negara ini perlu pula dibelanjakan bagi menghapuskan kemudaratan atau bencana penyakit berjangkit. Maka saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian beliau dan Kementerian Kesihatan agar satu pemeriksaan yang teliti dibuat atau diwujudkan satu unit khas perubatan dengan pakar-pakarnya sekali untuk menggariskan syarat-syarat yang boleh digunakan kepada pelancong-pelancong seperti ala-Hippies yang tidak membawa sebarang faedah ataupun keuntungan kepada Malaysia kerana mereka ini dalam erti kata yang sebenarnya bukan pelancong, kerana saya tinggal di Pulau Pinang, tidak jauh daripada pantai pula, mereka ini terkenal dengan penyakit puan, penagih dadah dan AIDS.

Laporan peribadi, profession dan kesihatan pelawat itu perlu juga diketahui kerana rakyat Malaysia tidak rela menerima kuman virus penyakit AIDS dan penyakit-penyakit merbahaya yang dibawa oleh mereka itu ke negara ini. Kita taham jika sekiranya dia orang datang secara 'package' dan terkenal siapa yang menganjur rombongan

itu ke sini, itu tidak menjadi masalah.

Di suratkhobar New Straits Times di muka hadapan pagi ini, saya membaca tentang berita Emirate Arab Bersatu menghantar keluar 1,000 pelancong dan orang-orang yang menghidap virus AIDS. Dalam pemeriksaan yang dijalankan di negara itu didapati tiap seorang dalam 1,000 adalah pembawa penyakit AIDS yang mudah berjangkit.

Saya berdoa semoga usaha Kementerian Yang Berhormat Dato' Haji Sabbaruddin Chik itu berjaya dan akan tercatatlah nanti kejayaan industri pelancongan itu dalam Laporan Rancangan Malaysia yang Kelima pada hujung tahun 1990.



Kedudukan ekonomi Tuan Yang di-Pertua di Malaysia, bolehlah dibangga dan didapati kukuh dari apa yang ramai menjangka kerana kita telahpun dilanda oleh masalah ekonomi yang lembab. Dan kita juga dengar sungutan ramai peniaga-peniaga tentang layanan bank dan institusi-institusi kewangan yang mana ada juga kes-kes perlu kita bersimpati.

Pada pandangan saya bank-bank yang ingin hendak jadi kaya cepat perlulah ubah sikapnya, perlulah memberi kerjasama kepada Kerajaan dan rela bertolak-ansur, bertoleransi dengan peniaga-peniaga. Saya fikir saya hendak tarik balik perkataan "tolak-ansur", bertoleransi dengan peniaga-peniaga yang mengambil risiko membuka perusahaan-perusahaan yang menggunakan teknologi terbaru dan moden.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, ada seorang pegawai bank melawat satu perusahaan usaha sama bumiputera dengan China dan memeriksa mesin-mesin dan alat-alat perusahaan mereka dan membuat laporan negatif, konon mesin-mesin itu sukar diketahui kegunaannya. dia sendiri tidak tahu apa kegunaan mesin itu dan jika dijual sebagai besi buruk, dengan izin, as scrap iron, harganya kecil sahaja. Maka mesin itu tidak diterima sebagai cagaran dan pinjamannya pun ditolak, maka saya bersetuju saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita dalam ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima di muka 29 para 50, "Bahawa bank-bank harus mempunyai pegawai-pegawai teknikal yang boleh membuat penilaian terhadap projek-projek yang diasaskan kepada teknologi terbaru dan moden". Jika bank-bank tidak pula sanggup mengambil risiko sama seperti pengusaha-pengusaha yang berazam untuk maju dalam bidangnya, maka

Malaysia tidak mungkin mengadakan perusahaan teknologi modennya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,Kejayaan kerajaan dalam bidang ekonomi sedang meningkat dan pertumbuhannya, insya Allah, akan stabil dan berterusan. Di samping itu kita tidak harus pula mengabaikan kesulitan dan keselesaan rakyat jelata. Dalam konteks ini saya ingin menrayu kepada Kementerian Pengangkutan agar menyegerakan pembinaan pentas runtuh di Pengkalan Sultan Abdul Halim dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang sudah terbiar hampir 2 tahun. Feri-feri penumpang pula tersadai dan terbengkalai semenjak tragedi pentas runtuh itu berlaku. Penumpang-penumpang berjalan kaki, terpaksa berjalan jauh pula ke jalan yang membawanya ke feri itu, curamnya tinggi seperti jalan viaduct, yang sebenarnya adalah jalan asal bagi kegunaan kereta dan motor. Maka bolehlah kita lihat bagaimana penderitaan, kesusahan orang tua-tua yang uzur yang berjalan kaki yang menaiki feri itu. Amat sedih kalau kita lihat orang-orang tua tua ini terpaksa berjalan sekejap dan berhenti sekejap dan memakan masa lama untuk sampai ke feri.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, pelan pembangunan pentas itu sudah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, tetapi nampaknya keutamaan tidak diberi kepada kelulusan pelan tersebut, diharap Yang terhormat Menteri Pengangkutan dapat memberi perhatian yang serius dalam kes ini.

Malaysia sebuah negara yang masih muda, menghampiri umur 32 tahun yang membuat experiment untuk hidup bersama antara satu sama lain. Di sekitar ketidakdewasaan ini, tidak hairanlah setiap keturunan merasakan kekhuatiran tentang masa depannya. Soal-soal yang mengacau di kepala berbagai keturunan ini harus mendapat

jawapan yang setimpal supaya kekhawatiran itu dapat dikurangkan. Namun demikian adalah mustahil ia dapat dilenyapkan sama sekali kerana kekhawatiran itu juga merupakan modal bagi politik dan ada di antara kita yang akan terdorong menggunakannya, walaupun kata sepakat mungkin tercapai tentang dasar ekonomi bagi tahun-tahun selepas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurang dan menyempitkan ruang bagi politik yang memerlukan kekhawatiran sebagai bahan mentahnya, dasardan strategi ekonomi yang hendak disyorkan melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), hendaklah menjamin pertumbuhan yang paling pesat dapat dirancang dan diusahakan. Pertumbuhan yang pesat sahajalah yang akan memberi peluang memuaskan sebahagian besar aspirasi semua pihak. Dalam konteks ini matlamat yang menjadi kunci ialah hasrat menjadikan Malaysia negara perindustrian baru yang mengerti dan faham akan keperluan dunia serta cekap pula mengesan akan perubahan-perubahan permintaan dalam berbagai jenis pasaran dan bertindak menyesuaikan diri kepada perubahan-perubahan itu. Bagi kaum bimputera tidak ada pengganti kepada ketokohan dan kerajinan menimba ilmu-ilmu yang menjamin dan membantu mereka memasuki ke dalam kegiatan-kegiatan ekonomi berbagai corak. Penimbaan ilmu-ilmu itu bukanlah setakat di bilik darjah dan kuliah, ia boleh didapati di dalam berbagai pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang berjaya menyakinkan pelabur-pelabur menanam modal di Malaysia.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang mengadakan lawatan pelaburan keluar negara yang turut berjaya membawa ramai pelabur membina kilang di negara

ini dan sekaligus menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Walaupun terpaksa membelanjakan wang untuk membiayai lawatan itu, tetapi ia bukanlah usaha yang sia-sia. Jumlah pelabur semakin bertambah masakini dan Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima telah membuktikannya. Maka saya dengan perasaan bangga mohon menyokong Usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan yang mulia ini selama 15 minit dan Dewan akan bersidang semula pada jam 4.35 petang.

**Persidangan ditempohkan pada pukul 4.20 petang.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 4.40 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri-mentari untuk memberi jawapan masing-masing.

Kita mulakan dengan Kementerian Buruh dahulu. Dipersilakan.

**4.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhonnat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh di sepanjang perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima di Dewan ini, khususnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator G. Rajoo, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay dan Yang Berhormat Senator Hajjah Habidah Jusoh yang telah membangkitkan perkara khusus untuk perhatian dan tindakan Kementerian Buruh. Kementerian saya menghargai perhatian-perhatian serca saranan-saranan yaag telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat demi kelicinan dan keberkesanan pentadbiran hal ehwal Kementerian Buruh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat G. Rajoo yang telah mencadangkan agar Kementerian Buruh meminda undang-undang supaya majikan-majikan ladang diwajibkan menyertai skim memiliki rumah pekerja, Kementerian Buruh ingin menegaskan sekali lagi bahawa skim tersebut adalah satu rancangan sukarela. Skim ini tidak dilancarkan di bawah apa undang-undang tertentu. Sebagai satu rancangan sukarela, majikan digalakkan oleh Kerajaan

untuk menyerahkan sebahagian tanah ladang mereka sebagai sumbangan percuma bagi membina rumah-rumah pekerja mereka. Dengan sumbangan percuma ini kos rumah dapat dikurangkan. Kementerian Buruh sedar penyertaan dalam skim ini sejak ia dilancarkan belum lagi memuaskan, akan tetapi usaha sedang diambil untuk mempergiatkan, lagi pelaksanaannya dengan lebih berkesan. Langkah-langkah itu telahpun dimaklumkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini apabila Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai perkara ini.

Kerajaan berpendapat sesiapa pun tidak boleh dipaksa untuk menyertai skim ini selagi skim ini tidak dilancarkan di bawah sesuatu undang-undang, namun begitu jika sebaliknya pula majikan ladang diwajibkan menyertai skim ini, mereka dikehendaki menyerahkan tanah percuma kepada pekerja-pekerja membina rumah-rumah pemilikan mereka. Tindakan ini boleh dianggap sebagai perolehan secara paksaan dan ini akan membawa kesan-kesan yang tidak menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kekurangan tenaga pekerja di sektor perkilangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay, masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh sektor perkilangan di Pulau Pinang tetapi juga oleh lain-lain negeri di mana sektor perkilangannya pesat membangun seperti di negeri Selangor dan Johor. Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat sentiasa membantu industri-industri yang berkembang daripada masa ke masa mendapatkan tenaga pekerja. Pegawai-pegawai Kerajaan di negeri-negeri ini selain daripada menyalurkan penganggur yang datang sendiri berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, kepada industri-industri tersebut juga mohon bantuan daripada ketua-ketua kampung membantu Jabatan ini mendapatkan pekerja untuk sektor perkilangan. Di samping itu, pegawai-pegawai Kerajaan di semua

negeri di mana industrinya memerlukan pekerja-pekerja juga telah mohon bantuan dari Pejabat Tenaga Rakyat di seluruh negeri yang mempunyai bekalan tenaga pekerja berlebihan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di negeri yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Pejabat Tenaga Rakyat Melaka kekurangan kelengkapan moden. Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat yang lain juga menghadapi kekurangan kelengkapan yang sama. Selaras dengan keperluan sebenar, Jabatan ini telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan komputer tetapi sehingga ke hari ini permohonan tersebut masih dalam pertimbangan. Walau bagaimanapun, tanpa kelengkapan moden seperti yang disebutkan itu, Jabatan Tenaga Rakyat, dengan usaha yang gigih dapat mengeluarkan maklumat pasar buruh, jumlah penganggur yang berdaftar mengikut negeri-negeri, jumlah jawatan kosong mengikut jenis pekerjaan dan juga penempatan pekerja-pekerja dalam pekerjaan daripada masa ke masa.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat Senator Hajjah Habidah Jusoh supaya Kementerian Buruh mendaftarkan belia-belia menganggur di kampung untuk bekerja di ladang-ladang berhampiran, sebenarnya kampen ini pernah dibuat oleh Jabatan Tenaga Rakyat malangnya kebanyakan belia-belia di kampung tidak begitu berminat untuk bekerja di ladang. Dengan kegagalan pelaksanaan skim tersebut adalah dipercayai saranan yang dikemukakan ini tidak akan berhasil juga. Demi untuk tidak menjejaskan perkembangan ekonomi di sektor ladang, Kerajaan telah bersetuju menerima pekerja-pekerja pendatang untuk bekerja di ladang-ladang mengikut syarat-syarat pekerja tertentu sebagaimana yang dikendalikan oleh Jabatan Imigresen.

Mengenai lain-lain hal yang tidak sempat saya jawab pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa ia juga akan diberi perhatian yang

sewajarnya oleh pihak Kementerian Buruh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya minta Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan untuk memberi jawapan, saya ingin membuat sedikit pengumuman. Mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Lajim untuk mempengerusikan Mesyuarat bagi menggantikan saya pada petang ini. Dipersilakan.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Dipersilakan Kemencerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

**4.48 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan negara dan Luar Bandar dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang bermula pada 5hb Julai, 1989 yang lalu.

Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai penyediaan infrastruktur di luar bandar, program pemulihan rumah bagi golongan termiskin, program latihan di bawah industri kampung dan perkara-perkara yang menyentuh mengenai KEMAS, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Habidah Jusoh telah meminta pihak Kerajaan memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan



infrastruktur kepada semua kawasan di luar bandar. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan yang terhad, pemberian perlulah diagihkan mengikut keutamaan dan keperluan. Usaha untuk mengadakan kemudahan infrastruktur ini di semua kampung-kampung akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Adalah diharapkan pada akhir tahun 1990, 83% daripada penduduk luar bandar akan menikmati bekalan elektrik dan 70% bagi bekalan air. Begitu juga dengan jalan kampung, pada masa ini setengah-setengah negeri hampir mencapai 90% kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Habidah Jusoh juga telah menyarankan supaya pihak Kerajaan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar bagi mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Sememangnya menjadi salah satu tujuan Kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri-industri kampung supaya dapat menambah peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah banyak menyebarkan maklumat mengenai bantuan mesin, peralatan dan bengkel di bawah program industri kampung dengan harapan lebih ramai lagi pengusaha tampil ke hadapan memohon bantuan tersebut dan seterusnya dapat meningkatkan lagi dari segi pengeluaran. Kerajaan telah menyediakan bantuan dan perkhidmatan seumpama ini dan terpulang kepada masyarakat untuk berusaha mendapatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay supaya pihak Kerajaan membuka peluang kepada kaum bukan bumiputera menyertai program pemulihan rumah bagi golongan termiskin, sukalah saya memaklumkan bahawa memang pada dasarnya program tersebut terbuka kepada keluarga-keluarga termiskin tidak mengira kaum. Walau bagaimanapun penekanan adalah diberikan kepada penduduk-penduduk miskin yang tinggal di kawasan luar bandar. Apa yang dimaksudkan dengan keluarga miskin ialah keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak dan kurang dari \$175 sebulan dan mereka mestilah mempunyai rumah yang daif dan tidak selamat untuk didiami.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay juga telah menyarankan supaya Kerajaan mengadakan program latihan kepada masyarakat miskin di luar bandar dengan memberi kemahiran dalam bidang perusahaan kecil. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa memberi bimbingan dan khidmat nasihat bagi membantu pengusaha-pengusaha kampung melalui Bahagian Perusahaan Luar Bandar dan agensi-agensi di bawah Kementerian ini seperti MARA, PKKH dan juga KEMAS. Selain dari itu Kerajaan juga telah menyediakan berbagai kursus dan latihan di banyak tempat bagi sesiapa yang berminat melengkapkan diri dalam bidang pembangunan usahawan dan teknologi pengeluaran. Antara tempat-tempat tersebut ialah Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia

(MADEC), SIRIM, MARDI dan juga yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Dewan Bandaraya, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon telah menyarankan supaya Kementerian ini menggunakan sebahagian peruntukan luar bandar bagi menubuhkan pusat gunasama bagi memberi kemahiran dan menambahkan pendapatan kepada kaum wanita khususnya dalam bidang pengeluaran barang kraf. Pada masa ini terdapat empat buah pusat gunasama yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam bidang perusahaan kraftangan. Pusat gunasama tersebut adalah terletak di Kuala Kangsar membuat tembikar, Temerloh - perusahaan kayu, Cendering - membuat tembaga dan Kuala Pilah - rotan. Penglibatan kaum wanita di pusat-pusat pengeluaran ini ialah sebanyak 30% sahaja. Walau bagaimanapun sebuah lagi pusat gunasama akan siap dibina di Kuala Kangsar iaitu dalam bidang tekatan di mana peserta-pesertanya secara keseluruhannya adalah terdiri dari kaum wanita. Selain dari itu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerusi Bahagian Kemajuan Masyarakat atau KEMAS juga mendirikan pusat kegiatan KEMAS, pusat kegiatan desa dan bengkel-bengkel kelas latihan kerja (KLK) sebagai pusat pembelajaran, pengeluaran barang-barang kraf dan seterusnya bagi meningkatkan punca pendapatan ahli.

Untuk makluman Yang Berhormat hampir kesemua peserta yang melibatkan diri di bengkel-bengkel kegiatan KEMAS ini adalah terdiri daripada kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Tan Chong Keng supaya MABA memberi peluang kepada

kaum-kaum bukan bumiputera memasuki Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini dasar yang diamalkan oleh MARA ialah mengutamakan pengambilan pelajar-pelajar bumiputera khususnya pelajar-pelajar di kawasan luar bandar untuk memasuki MRSM. Ini bersesuaian dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar bumiputera dari kawasan luar bandar menerima pendidikan peringkat menengah dan dalam bidang sains dan teknologi dengan harapan ianya dapat mengurangkan ketidakseimbangan yang wujud pada masa ini. Terutamanya dalam bidang-bidang profesional di mana bilangan bumiputera adalah kecil. Walau bagaimanapun di atas hasrat kearah mencapai perpaduan nasional, MARA melalui Yayasan Pelajaran MARA (YPM) telah menyediakan satu bentuk kemudahan yang sama seperti MRSM di mana peluang-peluang telah dibuka kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera asalkan bilangan bukan bumiputera tidak melebihi dari 10% bagi sesebuah institusi, pengajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas pandangan, cadangan dan teguran yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya ke atas teguran dan cadangan yang telah diutarakan. Sekian terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Silakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**4.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya suka menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan memberi teguran dengan cara membina kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi faedah dan kepentingan seluruh rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan apa yang telah dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat Tuan G. Rajoo, sukacita saya maklumkan apa yang dibangkitkan itu sebenarnya bukanlah mengenai pelaksanaan rancangan perumahan kos rendah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana berkenaan rumah-rumah awam kos rendah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apa yang dimaklumkan kepada Kerajaan setakat ini hanya satu sahaja rancangan yang masih belum dilaksanakan iaitulah rancangan rumah murah murah Sungai Buloh, Selangor. Ini berkaitan dalam masalah tapak yang tidak sesuai dan insya Allah rancangan ini akan dilaksanakan apakala pihak Kerajaan Selangor akan mengemukakan tapak yang sesuai untuk dilaksanakan rancangan perumahan ini.

Walau bagaimanapun pihak Kementerian sedar apa yang dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat Tuan G. Rajoo bahawa 9.6% pencapaian pelaksanaan rumah kos rendah di bawah rancangan program khas perumahan kos rendah (PKPKR) yang mana rancangan ini telah dilaksanakan oleh pihak swasta. Dengan secara bagi pihak Kerajaan sama ada Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan membuat perakuan bagi memberi berbagai-bagai kemudahan dan pertolongan kepada pihak swasta ataupun pemaju yang akan melaksanakan kos ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat inilah untuk mengatasi masalah ini maka bagi pihak Kerajaan pada 29hb. Jun yang lalu baru beberapa hari yang lalu pihak ICU telah memindahkan secretariat daripada ICU kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud kerana memindahkan secretariat ini daripada Kementeriannya kepada Kementerian Perumahan, baru beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon mengenai di dalam masalah kedudukan masyarakat dan kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan di kawasan kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya terasa ragu untuk menjelaskan di dalam masalah ini kerana di dalam masa yang sama seorang lagi sahabat kita Yang Berhormat Saudara C. Krishnan pula membangkitkan bahawa kedudukan masyarakat di kampung-kampung baru jauh lebih baik. jika hendak dibandingkan dengan masyarakat yang berada di kawasan kampung-kampung tradisional dan di ladang-ladang.

Tuan Yang -di-Pertua, ini membuktikan bahawa bagi pihak Kerajaan tidak pernah melaksanakan diskriminasi dari segi melaksanakan pembangunan untuk masyarakat-masyarakat dalam negara ini sama ada yang berada di kampung-kampung baru atau di kampung-kampung tradisional juga di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saudara Yang Berhormat Tuan C. Krishnan membangkit di dalam masalah perumahan di dalam kawasan ladang-ladang. Sebagaimana yang telah dimaklumkan berulang kali bahawa dalam masalah ini, Kementerian Buruh telah pun mengambil

tindakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Silakan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

**4,59 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di Dewan ini atas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima dan telah memberi pandangan dan teguran terhadap isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan, Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Harun berpendapat bahawa dengan adanya Dasar Pelancongan Kebangsaan taraf sosio-ekonomi Negeri Kelantan akan dipertingkatkan lagi kerana pada masa ini daya tarikan pelancong di Kelantan adalah terhad. Sukalah saya jelaskan di sini bahawa memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar dalam bidang pelancongan kerana memandangkan kawasan-kawasan ini mempunyai potensi pelancongan dari segi alam semula jadi. Bahkan di masa ini kawasan-kawasan pelancongan yang menarik adalah terletak di kawasan-kawasan luar bandar selain dari pada Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, pembangunan produk-produk atau tempat-tempat pelancongan bukanlah menjadi tanggungjawab Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Ianya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta. Peranan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hanyalah menyelaras dan memberi nasihat dari segi perancangan pembangunan pusat-pusat pelancongan yang harus dibuat oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh pihak swasta. Bagi Negeri Kelantan, suka saya nyatakan bahawa negeri ini mempunyai banyak sumber tarikan pelancongan dari segi masyarakat dan budaya dan persekitaran alam semula jadi yang indah. Terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif bagi membangunkan kawasan-kawasan itu sebagai pusat tarikan pelancong sama ada dari dalam negeri atau luar negeri.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby atas ingatan beliau agar Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan berwaspada terhadap gejala-gejala, kemasukan pelancong-pelancong asing yang mengambil peluang bekerja dan melakukan maksiat di negara ini serta juga ada yang membawa penyakit-penyakit tertentu dan juga gejala-gejala dadah. Insya Allah, pihak Kementerian akan sentiasa mengambil ingatan dalam perkara ini dan akan sentiasa mengingatkan pada semua pihak khususnya dengan agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat secara langsung dengan perancangan pelancongan agar menyedari atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan perhatian kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Sekian, terima kasih.



**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Kementerian Kesihatan.

**5.03 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-pertua, saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran atas Kementerian dan telah menimbulkan beberapa isu yang perlu diberi perhatian.

Yang Berhormat Dr. Chong Eng Leong di antara lain telah menimbulkan kemusykilan mengapa peruntukan keseluruhan bagi perkhidmatan kesihatan serta pembangunan kependudukan dan keluarga telahpun dikurangkan dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pada awal Rancangan Malaysia Kelima anggaran peruntukan pembangunan tertakluk kepada kedudukan ekonomi ketika itu. Beberapa perubahan pada jumlah peruntukan telahpun berlaku dan akhirnya ditetapkan sebanyak \$737,970,310. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima peruntukan sebanyak \$60 juta diberi untuk pembangunan kesihatan sebagai tambahan dan menjadikan jumlah peruntukan sebanyak \$797,970,310. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keempat dari peruntukan sebanyak \$776,017,000 perbelanjaan ialah sebanyak \$602,055,000 iaitu sebanyak 77.6% kesemuanya. Negeri Sabah memang diberi keutamaan dari segi pembangunan kesihatan. Oleh itu dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, enam projek yang baru telah dikenalpasti. Lima diberi peruntukan tambahan dan tiga lagi projek yang dahulu diberi peruntukan tanda telah diluluskan peruntukan.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga menyarankan supaya perhatian khas diberi kepada negeri-negeri dalam usaha mereka untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit seperti yang berlaku di Sabah di mana wabak penyakit-penyakit berlaku di merata-rata tempat, katanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa kejadian semua penyakit-penyakit bawaan air seperti typhoid dan Hepatitis A telahpun meningkat di Sabah. Kejadian penyakit typhoid dan Hepatitis A telahpun berkurangan dalam tahun 1988 jika dibandingkan dengan tahun-tahun terdahulu daripada itu. Ini adalah hasil daripada ugaha-usaha pihak Kerajaan dan masyarakat untuk mencegah penyakit-penyakit tersebut. Kementerian Kesihatan telahpun merancang untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri pada umumnya dan Kerajaan Sabah khususnya dan pihak berkuasa Bekalan Air dan lain-lain lagi agensi untuk meninggikan lagi liputan bekalan air yang selamat dan tandas yang sempurna. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$7.5 juta bagi program kebersihan alam sekelilingnya. Adalah dijangka pada tahun 1992, 100% penduduk di luar bandar akan dapat dibekalkan dengan tandas yang sempurna dan bekalan air yang selamat. Selain daripada itu, pendidikan kesihatan mengenai kebersihan, makanan bagi penduduk-penduduk juga akan diperhebatkan.

Isu yang seterusnya mengenai kehadiran pendatang-pendatang haram yang banyak menimbulkan masalah-masalah seperti penyakit-penyakit berjangkit dan di samping itu mendapat kemudahan-kemudahan perubatan percuma. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mendapati perlu diberi perkhidmatan-perkhidmatan pencegahan penyakit-penyakit seperti imunisasi dan rawatan pesakit kepada pendatang-pendatang haram tersebut. Ini adalah bertujuan untuk mengawal penyakit-penyakit yang berjangkit daripada merebak kepada penduduk-penduduk

tempatan di negara ini.

Isu mengenai penyakit malaria juga telah ditimbulkan. Ahli Yang Berhormat mengatakan penyakit ini telah juga berleluasa di Sabah dan telahpun menyebabkan banyak kematian berlaku. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa kes-kes malaria dan kematian akibat malaria masih banyak berlaku di Sabah jika dibandingkan di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana sebab-sebab berikut. Vector penyakit malaria berlainan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Vector di Sabah adalah paling sukar untuk dikawal kerana tabiat vector itu adalah sendiri. Di Sabah, kejadian kekebalan parasit malaria (*Plasmodium falciparum*) terhadap ubat anti malaria merupakan masalah yang rumit. Ini jarang dijumpai di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Yang ketiga, tindakan susulan ke atas pesakit-pesakit malaria di Sabah adalah sukar jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia oleh kerana muka bumi yang berbukit-bukau dan perhubungan yang sukar.

Bilangan kes denggi yang meningkat di Sabah adalah di kawasan bandar yang pesat membangun ataupun melalui proses urbanisation, dengan izin, di mana terdapat banyak tempat-tempat yang sesuai untuk pembiakan nyamuk aedes. Kementerian Kesihatan sedar tentang masalah penyakit ini dan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membanteras penyakit ini.

Yang Berhormat Senator Lau Keng Siong juga menegur tentang keperluan menambahkan lagi doktor-doktor biasa dan pakar-pakar atau *specialists*. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa bilangan doktor-doktor tidak mencukupi untuk menampung keperluan negara dengan pertambahan penduduk pada masa ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan keutamaan untuk menambahkan bilangan doktor-doktor di negara ini pada setiap tahun. Pada tahun 1982 bilangan doktor di Kementerian ini ialah sebanyak 1,962 orang dan tahun 1988 bilangannya bertambah kepada 3,820 orang iaitu meningkat sebanyak 95% dalam tempoh hanya 6 tahun. Bagi tahun ini sahaja sebanyak 422 jawatan doktor berkaitan telahpun diperuntukkan.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa berusaha menggalakkan doktor-doktor untuk terus kekal dalam perkhidmatan Kerajaan. Beberapa langkah telahpun diambil untuk tujuan ini iaitu seperti memberi peluang kepada doktor-doktor tersebut mengikuti kursus-kursus lanjutan (post graduate course) di dalam bidang-bidang kepakaran tertentu serta diberikan biasiswa dengan cuti bergaji ataupun tanpa gaji bagi membolehkan mereka mengambil peperiksaan yang berkenaan;

Kerajaan juga telahpun mengadakan beberapa insentif secara kenaikan pangkat dan sebagainya dan memberi peluang kepada doktor-doktor tersebut menghadiri seminar atau persidangan di dalam dan di luar negeri. Untuk menjayakan usaha-usaha ini Kementerian Kesihatan sedang mengkaji secara mendalam mengenai kedudukan doktor-doktor ini seperti yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut dengan meneliti masalah-masalah dan kekurangan-kekurangan yang berkaitan dengan bidang kedokteran ini maka diharapkan prospek kerjaya serta suasana kerja yang lebih baik akan timbul. Dan Kementerian ini yakin Kerajaan akan dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kedudukan perkhidmatan doktor-doktor kita. Dengan demikian adalah diharapkan lebih ramai lagi doktor-doktor yang akan terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, saya telahpun diberi maklum bahawa pihak Kementerian Pendidikan akan menjawab soalan itu kerana ia adalah berkaitan dengan Kementerian tersebut iaitu mengenai pelajaran yang berkaitan dengan penyakit-penyakit di sekolah dalam kurikulum di sekolah-sekolah iaitu KBSM.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Arabi telahpun mengesyorkan supaya ditubuhkan seunit khas terdiri daripada pakar-pakar untuk pengawasan ke atas pelancong-pelancong untuk penyakit kelamin, AIDS dan penagihan dadah.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang mewujudkan satu pasukan khas untuk pengawasan penyakit kelamin, AIDS di kalangan pelancong-pelancong yang masuk ke dalam negara kita ini. Tindakan ini telahpun disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) oleh kerana ia tidak dapat mencegah dengan berkesan kemasukan penyakit-penyakit itu. Oleh yang demikian, cara yang paling efektif yang dirasakan boleh mencegah kemasukan penyakit itu terutamanya penyakit AIDS ke negara ini ialah memastikan supaya bekalan darah dan hasil pemindahan darah itu selamat daripada penyakit AIDS melalui ujian saringan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja. Terima kasih.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** Dipersilakan Yang Berhormat dari Kementerian Kewangan.

### **5.13 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin semasa menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan ini, juga untuk menjawab bagi pihak Menteri Pertanian dan Menteri Pengangkutan.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** Baiklah.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Kementerian Kewangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan ulasan di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator Habibah Jusoh telah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah suruhanjaya khas untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan bumiputera dalam membayar balik pinjaman mereka. Kementerian Kewangan berpendapat, suruhanjaya seperti itu adalah tidak perlu. Bank Negara sentiasa bersedia dan mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan bank. Mereka yang merasakan diberikan layanan yang tidak adil oleh pihak bank bolehlah membuat aduan kepada Bank Negara. Sukalah saya memberi jaminan bahawa semua aduan akan disiasat dengan diteliti dan tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas pihak-pihak yang didapati menyeleweng.

Kementerian Kewangan berpendapat bahawa pinjaman dengan bank-bank sama ada oleh bumiputera atau bukan bumiputera tidak seharusnya menimbulkan masalah sekiranya wang pinjaman itu diurus dengan betul dan meyakinkan pihak bank. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui Bank Negara akan sentiasa mengawasi kegiatan bank-bank bagi memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh mereka adalah adil dan tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah penswastan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator G. Rajoo, Kerajaan sedar

bahawa ada beberapa masalah yang timbul akibat daripada langkah Kerajaan menswastakan beberapa bidang perkhidmatan. Sungguhpun begitu, pada keseluruhannya Kerajaan berpuas hati dengan tahap pencapaian sehingga kini. Masalah-masalah yang berbangkit akan diteliti dan langkah-langkah pembetulan akan diambil dari semasa ke semasa.

Mengenai pengurusan syarikat-syarikat yang diswastakan adalah menjadi dasar Kerajaan tidak campurtangan dalam pengurusan. Ini kerana syarikat yang telah diswastakan mempunyai lembaga pengarahnya sendiri. Bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawal supaya syarikat-syarikat itu tidak menyimpang dari matlamatnya melalui wakil-wakil Kerajaan yang dilantik menduduki lembaga pengarah.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby telah membangkitkan tentang layanan bank kepada usahawan yang memerlukan pinjaman. Menurut beliau, bank-bank mestilah bersikap toleransi dan bersimpati kepada mereka yang memerlukan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, pihak bank biasanya telah mempunyai garis-panduan dan peraturan bagi menimbang permohonan pinjaman yang dibuat. Begitu juga pihak bank memastikan pegawainya membuat penilaian dan kajian yang terperinci di atas projek-projek yang hendak dilaksanakan. Bagi projek-projek yang berdaya maju dan syarikat yang mempunyai pengurusan yang baik, tidak ada masalah bagi mendapatkan pinjaman bank. Segala permohonan pinjaman yang ditolak telahpun dikaji dan dinilai oleh pegawai-pegawai bank yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menjawab bagi pihak Kementerian Pertanian bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan

kepada Kementerian Pertanian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Mohamad Saleh yang telah membangkitkan persoalan mengenai langkah Kerajaan yang terus mengimport beras, walaupun peruntukan yang banyak telah dibelanjakan untuk memajukan infrastruktur.

Untuk makluman Ahli Yaag Berhormat Kerajaan akan terus mengimport beras dariu luar negeri bagi menampung ketidakcukupan pengeluaran beras dalam negeri. Pada masa ini telahpun ada suatu dasar mengenai pengeluaran beras di mana Kerajaan telah menetapkan pengeluaraa beras untuk .keperluan sendiri pada kadar terapung berdasarkan kepada keupayaan pengeluaran daripada 8 kawasan jelapang. padi. Kawasan-kawasan itu ialah MADA, KADA, Krian-Sungai Manik, Barat Laut (Selangor), Seberang Prai, Kemasin (Semarak), Besut dan Seberang Perak, yang melibatkan kawasan seluas 212,000 ha.



Kadar terapan itu pada masa ini ialah 55% hingga 60%. Tahap sara diri ini bukanlah sesuatu yang tetap dan tahap sebenarnya akan ditentukan oleh produktiviti 8 kawasan jelapang padi. Usaha-usaha telah dan akan diteruskan oleh pihak Kementerian Pertanian bagi meningkatkan daya pengeluaran mutu padi di kawasan-kawasan tersebut iaitu seperti berikut:-

- (i) meneruskan aktiviti penyelidikan bagi tujuan memperkenalkan pengetahuan dan teknologi baru bagi mengurangkan kos pengeluaran dan pada masa yang sama meningkatkan mutu hasil keluaran. Pengenalan benih-benih baru yang bermutu baik adalah hasil dari aktiviti penyelidikan ini;
- (ii) meneruskan program kejenteraan ladang bagi menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kejenteraan yang sesuai dan berkesan;
- (iii) memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan lepas tuai dari masa ke semasa supaya lebih cekap dan berkesan bagi mengelak berlakunya kerosakan kepada padi; dan
- (iv) meneruskan program pembangunan petani dan institusi peladang bagi meningkatkan lagi prestasi kerja mereka di samping menggalakkan pengusahaan secara berkelompok.

Dengan usaha-usaha tersebut hasil purata pengeluaran padi telah berjaya dipertingkatkan daripada 3.04 tan per hektar dalam tahun

1980 kepada 3.48 tan per hektar pada tahun 1987. Walaupun begitu, pengeluaran padi keseluruhannya bagi Semenanjung Malaysia telah berkurangan sebanyak 82.316 tan iaitu daripada 970,399 tan dalam tahun 1980 kepada 888,083 tan dalam tahun 1987.

Di antara sebab-sebab pengurangan ini ialah berkurangnya keluasan tanah sawah yang diusahakan seperti ditinggalkan terbiar. Kerajaan tidak bercadang untuk menambah kawasan pengeluaran padi memandangkan bahawa penanaman padi di negara ini memerlukan perbelanjaan tinggi di mana Kerajaan perlu menanggung kos infrastruktur subsidi baja padi dan subsidi harga padi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan supaya sektor swasta digalakkan mengusahakan kilang padi, suka saya maklumkan di sini sememangnya perkara ini dipraktikkan sekarang oleh Kementerian Pertanian. Ini adalah kerana penyertaan yang lebih aktif daripada pengilang-pengilang, swasta akan mengurangkan beban yang ditanggung oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara.

Perangkaan menunjukkan bahawa pada masa ini terdapat sebanyak 349 buah kilang swasta dan 30 kilang LPN di mana keupayaan kilang-kilang swasta adalah kira-kira 68% dari keupayaan keseluruhan, dan keupayaan kilang LPN ialah 32%.

Walaupun-begitu oleh kerana industri pengilangan padi pada masa ini tidak memberi pulangan yang menggalakkan, maka kilang-kilang swasta telah tidak menggunakan dengan sepenuhnya kemampuan kilang-kilang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, perkara-perkara yang dibangkitkan bagi Kementerian Pengangkutan. Yang Berhormat Senator Tuan Foo Boon Liang telah membangkitkan peruntukan tambahan kepada Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi membeli sebuah kren kontena baru,

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan adalah sedar tentang keperluan tambahan peruntukan yang dipohon oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan untuk membeli sebuah kren kontena baru bernilai lebih kurang \$17 juta kerana kren kontena terpakai yang baik sukar diperolehi. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan sewajarnya sedang diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mendapatkan peruntukan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih,

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Silakan Kementerian Pendidikan.

**5.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan saranan untuk memperkemaskan lagi perjalanan aktiviti Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo telah menggesa supaya ditambah kemudahan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara manakala Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong pula telah

menyatakan ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang terpaksa mendapatkan derma untuk memperbaiki-pulih Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengeneipkan keperluan pendidikan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Bagi tahun ini sejumlah \$1.8 juta telah diluluskan untuk memperbaiki, mengubahsuai dan membina bangunan baru sekolah-sekolah bantuan modal di-seluruh negara.

Adalah menjadi dasar-dan tanggungjawab Kementerian ini untuk membina bilik-bilik darjah tambahan bagi memenuhi keperluan yang sering meningkat terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Setakat ini Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang laporan yang menyatakan pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil belajar di tokong-tokong.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan meminta supaya Kerajaan meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar keturunan India dalara bidang perubatan dan undang-undang di universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pelajar-pelajar untuk memasuki universiti-universiti tempatan adalah berdasarkan kepada pencapaian mereka dalam peperiksaan SPM dan STPM. Bidang kursus yang boleh diikuti oleh mereka pula adalah bergantung kepada keputusan mata pelajaran-mata pelajaran tertentu yang diperlukan sebagai pra-syarat bagi kursus tersebut. Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo supaya Kementerian Pendidikan menyemak semula kurikulum

universiti-universiti tempatan supaya memenuhi keperluan tenaga manusia negara ini sebenarnya Kementerian ini dan juga universiti-universiti tempatan mempunyai jawatankuasa tertentu yang dianggotai oleh pakar-pakar yang mengkaji kesesuaian kursus dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah menyarankan supaya pengambilan pelajar-pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi dibuat berdasarkan kepada kelayakan akademik tanpa mengira latar belakang pelajar-pelajar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi akademik pelajar-pelajar mananglah merupakan faktor utama yang menentukan pengambilan mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi. Hanya pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan yang terbaik dan kombinasi matapelajaran yang sesuai dengan kursus yang dipilih sahaja berjaya mendapatkan tempat mengikut kuota yang telahpun kita persetujui.

Mengenai dasar pemberian biasiswa dan pinjaman pendidikan, Kementerian Pendidikan bukan sahaja mengutamakan penuntut-penuntut yang berkeelayakan dari segi akademik dan ko-kurikulum tetapi juga haruslah berlatarbelakangkan sosial ekonomi yang bersesuaian.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King menimbulkan isu mengenai pelajar dalam lingkungan umur 13-15, tahun yang tercicir selepas SRP dan SPM. Kementerian Pendidikan sedang berunding dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi melaksanakan projek penggunaan sekolah vokasional oleh orang-orang kampung, terutamanya para belia dalam bidang kemahiran yang mereka minati. Apabila selesai segala perundingan, projek ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Lau Keng Siong mengenai tempat-tempat di universiti tempatan tidak mencukupi, penuntut yang tamat pengajian di luar negeri enggan balik ke negara sendiri merugikan negara dan mengesyorkan sistem ini dikaji semula. Sebenarnya dasar mengenai penghantaran penuntut-penuntut tajaan Kerajaan ke luar negeri memang dikaji dari masa ke semasa. Penghantaran penuntut-penuntut tajaan Kerajaan adalah bergantung kepada keperluan dan kedudukan kewangan Kerajaan. Sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan, Kerajaan telah memutuskan untuk mengurangkan penghantaran penuntut tajaan ke luar negeri kecuali untuk mengikuti kursus yang tidak terdapat di universiti-universiti tempatan ataupun bagi kursus-kursus yang tempatnya terhad di universiti-universiti tempatan.

Usaha lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah dengan mewujudkan program linkages antara institusi pengajian tinggi tempatan dan di luar negeri di mana program tahun 1 dan 2 diadakan di dalam negeri sebelum penuntut-penuntut menyambung pengajian mereka di luar negeri.

Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong juga mencadangkan supaya peruntukan OCAR atau lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) di sekolah-sekolah ditambah kerana kos pengendalian untuk sekolah didapati telah meningkat. Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan kerana cadangan yang baik itu. Sebenarnya pada tahun 1982, Kementerian Pendidikan telahpun mengkaji dan memersetujui kadar baru bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah dan ianya akan dilaksanakan sebaik sahaja keadaan ekonomi negara pulih sepenuhnya. Sungguhpun begitu, pihak Kementerian sentiasa memastikan supaya perjalanan sekolah-sekolah tidak terganggu.

Yang Berhormat Senator Dr.Chong Eng Leong meminta peruntukan pendidikan ditambah untuk negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Kementerian ini sedar akan kekurangan peruntukan yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa berusaha menambah peruntukan tersebut apabila terdapat keperluan yang mendesak dan apabila keadaan ekonomi negara bertambah baik. Beliau juga membangkitkan hanya 1% daripada peruntukan ini diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan dan peruntukan ini telahpun habis dalam tahun 1986 dan 1987. Sebenarnya Sekolah-sekolah Kebangsaan Jenis Kebangsaan di Sabah adalah merupakan sekolah-sekolah bantuan modal. Peruntukan baru yang diberi kepada sekolah-sekolah tersebut adalah tidak melebihi 50% daripada kos projek dan terpulang kepada pihak sekolah untuk menampung kekurangan tersebut. Memandangkan Sekolah-sekolah Kebangsaan lebih banyak berbanding dengan sekolah-sekolah bantuan modal, sudah semestinyalah peruntukan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan lebih rendah.

Mengenai kemasukan ramai anak-anak, pendatang tanpa izin ke Sekolah-sekolah Kebangsaan di Sabah Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula keperluan sebenar jenis sekolah di negeri tersebut untuk tindakan menambahkan bilangan bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada dan jika perlu mendirikan sekolah-sekolah baru.

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng telah mendakwa bahawa seramai 300 orang guru di kawasan Pulau Pinang khususnya di kawasan Seberang Perai Utama dan Seberang Perai Tengah memohon kenaikan pangkat tetapi tidak seorang pun diberi kenaikan pangkat. Beliau tidak dapat menerima alasan bahawa markah penilaian prestasi mereka adalah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat ini tidaklah benar kerana dari tahun 1987-1989 terdapat seramai 159 guru-guru dalam Kategori C1 dan C2 di Pulau Pinang termasuk Seberang Perai telah dinaikkan pangkat. Yang Berhormat ini juga telah menimbulkan isu bahawa daripada 12 orang guru jawatan kanan ko-kurikulum di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan-Cina, 8 orang daripadanya tidak mempunyai pengetahuan dalam bahasa Cina. Beliau mendakwa bahawa ini adalah tidak menepati syarat yang dipersetujui oleh Kabinet. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri pada 27hb April 1988 memutuskan bahawa jawatan Guru Penolong Kanan 1 dan 2 serta Penyelia Petang di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina hendaklah diisi oleh guru yang berkelulusan formal dalam bahasa Mandarin di peringkat SRP/SPM atau setaraf. Manakala jawatan Penolong Kanan Ko-kurikulum boleh diisi oleh guru-guru tidak berkelulusan formal dalam bahasa Mandarin dan difikirkan sesuai oleh Jabatan Pendidikan Negeri.



Mengenai permohonan Yang Berhormat ini supaya Kementerian Pendidikan memberi kelonggaran kepada guru-guru kategori B untuk mendapatkan faedah gaji dua skim, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah masih dalam pertimbangan Kementerian ini. Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat ini yang mengatakan bahawa Kementerian Pendidikan bercadang untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari negara ASEAN memasuki ITM dan MRSM, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya dakwaan tersebut adalah tidak benar. Cadangan beliau supaya ITM dibuka kepada bukan Melayu adalah tidak dapat dipertimbangkan kerana ITM adalah ditubuhkan untuk melatih kaum bumiputera dalam bidang profesional dan semi profesional. Sementara Kolej Tunku Abdul Rahman pula ditubuhkan dengan matlamatnya bersendirian dan adalah terbuka kepada semua kaum di negara ini.

Mengenai masalah pengangguran guru-guru yang berijazah Sarjana Muda Sains, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengambilan guru-guru adalah berdasarkan kepada kekosongan dan keperluan bagi satu-satu matapelajaran pada satu-satu keadaan semasa. Walau bagaimanapun, guru-guru siswazah berkenaan haruslah bersabar sehingga masalah teknikal dalam mewujudkan jawatan tersebut dapat diselesaikan.

Mengenai masalah disiplin pelajar pula, sekolah-sekolah melalui PIBG sememangnya berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada ibubapa dalam soal meningkat disiplin pelajar-pelajar. Sekiranya berlaku kes di mana ibubapa tidak puashati dengan tindakan yang dikenakan ke atas anaknya, ibubapa berkenaan adalah diminta terlebih dahulu merujuk kea itu kepada Guru Besar dan seterusnya kepada Jabatan Pendidikan Negeri jika maaih tidak selesai. Di mana perlu PIBG juga akan mengambil bahagian untuk menyelesaikan masalah di mana ibubapa mengadu guru menyalahgunakan kuasa.

Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin menimbulkan isu mengenai penglibatan pelajar dengan najis dadah. Mengikut rekod yang diselaraskan oleh Pasukan Petugas Anti Dadah, jumlah pelajar yang terlibat dalam kes dadah sehingga Disember 1988 ialah 1,393 orang. Dari jumlah itu," tiada seorang pun yang telah dilaporkan terlibat dalam penyakit AIDS. Semenjak dari tahun 1983, apabila Pendidikan Pencegahan Dadah mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan, segala input atau ketahuan berhubung dengan dadah dan juga AIDS telah disampaikan melalui program-program yang berasaskan sekolah sama ada di dalam pengajaran dan pembelajaran secara formal ataupun aktiviti ko-kurikulum seumpama ceramah-ceramah, pameran-pameran dan kempen-kempen. Pegawai Khas Dadah di tiap-tiap negeri telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan semua program tentang bahaya dadah dan kaitannya dengan AIDS.

Mengenai isu jenayah pencabulan kehormatan yang dikatakan berlaku di sekolah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya satu kes pelajar dirogol yang berlaku di luar kawasan sekolah dilaporkan dalam tahun 1987. Tidak ada kes dilaporkan dalam tahun' 1988 manakala dadah bagi 1989 masih dalam proses pengumpulan. Walaupun demikian, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah memberi garis panduan kepada pihak sekolah untuk mengawasi keselamatan diri pelajar semasa berada di sekolah. Sekolah juga diminta memaklumkan kepada ibu-bapa mengenai jadual aktiviti sekolah dan memperingatkan pelajar-pelajar supaya sentiasa mengawal keselamatan diri semasa berada di sekolah dan juga di luar kawasan sekolah.

Beliau juga telah meminta supaya Kementerian Pendidikan mengkaji serta mencari penyelesaian berkenaan penarikan balik pengiktirafan GMC British terhadap Ijazah Perubatan Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah meneliti laporan yang dikemukakan oleh pihak GMC, strategi dan tindakan tertentu akan diambil untuk mengatasi kekurangan-kekurangan yang terdapat di Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Mengenai cadangan beliau supaya pemeriksa luar diambil untuk menaikkan kembali imej Fakulti Perubatan Universiti Malaya sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Awang Had Salleh, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sememangnya telah menjadi amalan Universiti Malaya mengambil pemeriksa luar untuk mengawasi dan menilai mutu akademik universiti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan Kementerian mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Pendidikan. Perkara yang tidak sempat saya sentuh dalam ulasan saya tadi adalah dalam perhatian Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membina. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.46 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato' K. S. Rijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbincangan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang

berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Perkara mengenai kenaikan harga barangan dan langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga adalah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan yang mulia di dalam perbahasan mereka. Sementara itu, perkara yang sama telah dibangkitkan dalam soalan-soalan untuk Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Senator Foo Boon Liang, Yang Berhormat Senator Haji Jaafar bin Haron, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Lau Keng Siong.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan yang menyeluruh mengenai perkara kenaikan harga barangan dan langkah-langkah Kerajaan untuk mengawalnya telahpun disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini pada semalam sahaja semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Foo Boon Liang. Saya bercadang menyampaikan jawapannya secara ringkas sahaja berhubung dengan kenaikan harga-harga barang-barang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas; Kerajaan menentukan harga sesuatu barangan eloklah berada di tahap yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, naik turun harga sesuatu barangan dari masa ke semasa adalah disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah, kenaikan kos pengeluaran, perubahan nilai matawang negara pembekal dan sebagainya. Untuk mengurangkan masalah bagi pengguna beberapa barangan, telah diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Pembekalan Tahun 1961 supaya harga barang-barang bekalan menjadi stabil. Juga sistem mengawasi harga beberapa barang keperluan di negara berjalan dengan berkesan. Ini adalah berdasarkan kepada faktor bahawa harga runcit

barang-barang perlu tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan harganya dalam satu jangkamasa selepas 12 tahun terdahulunya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil tindak tanduk yang sewajarnya bagi mencegah berlakunya kenaikan harga barang-barang yang amat perlu untuk keperluan harian seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi. Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Bagi barang-barang lain harganya wajib diletakkan tanda harga di bawah Perintah Rawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) tahun 1977. 111 jenis barang wajib diletakkan tanda harga. Di samping itu, sebanyak 20 jenis barangan perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati di pasaran dan juga untuk mencegah sebarang aktiviti-aktiviti penyeludupan dan penyelewengan bagi maksud spekulasi. Dengan adanya bekalan barang-barang yang mencukupi di pasaran secara tidak langsung harga barang-barang ini dapat distabilkan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga dinyatakan bahawa sebelum sebarang sokongan diberi untuk menaikkan atau menurunkan harga barangan, kajian-kajian terperinci dilakukan bertujuan menentukan tidak timbul sebarang implikasi negatif terhadap harga sesuatu barangan itu. Kerajaan juga sentiasa mengawasi harga bagi bahan-bahan mentah di pasaran-pasaran antarabangsa supaya bertindak bagi menentukan bekalan sentiasa mencukupi dan membolehkan harganya berada di paras yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terus menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu mencukupi dan sebarang penyelewengan akan diambil tindakan yang tagas. Akibatnya didapati bekalan barang-barang mencukupi dan harganya pada keseluruhannya adalah stabil dan berada di paras yang berpatutan dan munasabah. Pemeriksaan besar-besaran ini telah dilancarkan mulai 2hb Januari, 1989. Semenjak pemeriksaan besar-besaran ini dilancarkan sehingga 5hb Julai, 1989 ini sebanyak 70,189 premis-premis perniagaan pasaraya-pasaraya, pasar-pasar malam dan sebagainya telah diperiksa dan telah menghasilkan 3,073 kes.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan saya pada masa ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Dipersilakan Kementerian Perusahaan Utama.

#### **5.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Saya merujuk kepada saranan yang dibuat oleh Senator C. Krishnan supaya Kementerian Perusahaan Utama lebih agresif dalam membanteras kempen anti minyak kelapa sawit dan memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah dan akan terus bertindak tegas untuk mengatasi kesan-kesan kempen itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah membangkitkan perkara itu dengan Presiden George Bush, semasa berunding dengan beliau di Boston pada bulan Mei yang lalu untuk menjamin supaya

perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia tidak teraniaya dan Presiden George Bush telah menyatakan rasa simpati beliau.

Sebagai langkah selanjutnya Kementerian Perusahaan Utama akan bertindak untuk mendedahkan kepada dunia, fakta-fakta sebenar mengenai minyak kacang soya dari segi pemakanan khususnya hakikat bahawa ianya perlu dihidrogenit sebelum boleh digunakan. Kesan penghidrogenan ini ialah terjadinya apa yang dinamakan asid lemak trans di dalam minyak soya.

Sebilangan pakar-pakar pemakanan telah menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kesan-kesan asid lemak trans yang tidak asli atau 'unnatural' itu ke atas kesihatan. Dengan sokongan Kerajaan, pihak industri minyak kelapa sawit pula telahpun menubuhkan Tabung Galakan Minyak Sawit untuk membiayai usaha memajukan pasaran bagi minyak sayuran itu. Dengan tertubuhnya tabung itu usaha membanteras kempen anti minyak kelapa sawit itu akan dapat dilipatgandakan dan dilaksanakan dengan lebih gigih lagi.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebagai langkah jangka panjang Kerajaan melalui PORIM telah mengaturkan beberapa projek-projek penyelidikan pemakanan dengan pakar-pakar dari seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat untuk mengesahkan semula dan menjelaskan kesan-kesan diet minyak kelapa sawit ke atas kesihatan, dan baru-baru ini penemuan-penemuan satu projek di Pakistan dan satu lagi projek di Malaysia, iaitu di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah dapat diumumkan yang sekali lagi membuktikan bahawa minyak kelapa sawit membawa kesan positif ke atas kesihatan. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tidak ada lagi Kementerian, sudah habis? Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**5.56 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman  
[Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud]: Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ya, sila.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina pada perbahasan mengenai Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah berlangsung 3 hari **ini**, dan saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan sokongan kepada Usul yang telah dikemukakan.

Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima telah menimbulkan perbahasan yang menarik dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi hujah-hujah yang panjang lebar dan rakan-rakan saya telahpun memberi jawapan yang kita dengar dalam Dewan **ini**. Saya hanya hendak membuat serba sedikit ulasan atau jawapan dengan secara umum mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri.

Saya tidaklah berhasrat hendak menjawab dengan detail, walau bagaimanapun perkara yang saya tidak sentuh di sini akan diambil perhatian dan jika didapati perlu diambil tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator G. Rajoo telah membangkitkan perkara mengenai kekurangan dalam prestasi agensi-agensi yang telah diswastakan. Beliau telah mendakwa ini adalah disebabkan oleh campurtangan Kerajaan dalam struktur organisasi dan operasi agensi berkenaan dan dengan demikian menjejaskan otonomi agensi yang telah diswastakan. Oleh itu beliau



mencadangkan campurtangan Kerajaan. hendaklah dikurangkan supaya agensi berkenaan boleh memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian di atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu berhubung dengan campurtangan Kerajaan dalam operasi agensi yang telah diswastakan. Memanglah menjadi sebahagian dasar penswastakan Kerajaan untuk memberi otonomi dalam hal pengurusan kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah diswastakan. Ini adalah bagi membolehkan pihak pengurusan menggunakan daya-usaha, serta daya kreatif yang sepenuhnya dalam menguruskan agensi berkenaan selaras dengan matlamatnya untuk mencapai kecekapan dan kekesan penggunaan sumber. Namun demikian, pemberian otonomi ini tidak bermakna Kerajaan tidak perlu langsung untuk mengawal tindak-tanduk agensi berkenaan.

Kawalan Kerajaan ke atas agensi-agensi tersebut masih perlu diteruskan bagi menjaga kepentingan awam dan pelaksanaan dasar-dasar tertentu Kerajaan. Lagipun, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada agensi-agensi yang diswastakan merupakan agensi-agensi monopoli yang sewajarnya memerlukan kawalselia-kawalselia oleh pihak Kerajaan

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kawalan dan campurtangan yang diberi oleh pihak Kerajaan ke atas agensi-agensi yang telah diswastakan adalah dibuat begitu bagi tujuan baik, iaitu bagi menjaga kepentingan awam termasuk kepentingan pekerja-pekerja dan pengguna supaya sentiasa terjamin pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator G.Rajoo juga telah mengemukakan isu mengenai pengangguran siswazah yang menurut beliau adalah berpunca daripada kekurangan dalam kurikulum pendidikan tinggi oleh itu beliau mencadangkan supaya kurikulum pendidikan

tinggi dikaji bagi memenuhi keperluan negara yang kini sedang menuju ke arah negara industri baru (NIC) supaya 'mismatch' yang wujud sekarang boleh diatasi dan seterusnya masalah pengangguran siswazah dikurangkan.

Kerajaan sedar bahawa sistem pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam melatih siswazah-siswazah supaya mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan sektor-sektor ekonomi.

Sehubungan dengan ini langkah-langkah talahpun diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyesuaikan struktur kursus-kursus yang ditawarkan dengan memperbanyakkan latihan praktikal dan program-program penempatan di firma-firma. Selain daripada itu program menyerapkan nilai-nilai keusahawanan dan berdikari juga dilaksanakan. Pada keseluruhannya usaha-usatia Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara telah berhasil meningkatkan aktiviti ekonomi dan dengan itu lebih banyak peluang pekerjaan dapat disediakan.

Yang Berhormat Senator G. Rajoo juga membangkitkan isu penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Menurut beliau int berlaku disebabkan oleh kemudahan infrastruktur yang kurang memuaskan. Penghijrahan tersebut mengakibatkan kadar pengangguran di bandar meningkat. Beliau mencadangkan supaya peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar diperluaskan melalui peningkatan permintaan hasil-hasil keluaran pertanian di samping itu penswastaan aktiviti-aktiviti pertanian hendaklah dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah terdapat penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar terutamanya penghijrahan di kalangan belia. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengadakan program-program seperti mempergiatkan aktiviti-aktiviti di sektor pertanian, menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur di kawasan luar bandar. Program-program ini bertujuan untuk memajukan kawasan luar bandar serta menambah peluang-peluang pekerjaan. Adalah diharap dengan adanya program ini dapat mengurangkan tahap penghijrahan ke bandar tetapi apa yang sama penting ialah kesedaran di kalangan belia-belia itu sendiri bahawa aktiviti ekonomi di luar bandar juga dapat memberi kesempurnaan dan kepuasan hidup tanpa tekanan dan masalah yang dihadapi di dalam kehidupan di bandar.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay menarik perhatian Dewan bahawa masih terdapat kekurangan tenaga kerja di kilang-kilang pembuatan walaupun kadar pengangguran di negara ini masih tinggi. Beliau ingin tahu sama ada keadaan ini disebabkan oleh belia kita terlampau memilih kerja, gaji di kalangan tersebut rendah atau terdapat kekurangan kemahiran. Kadar pengangguran yang tinggi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay merupakan kadar pengangguran negara pada keseluruhannya dan ianya bukan mencerminkan kadar pengangguran di kawasan-kawasan tertentu. Kekurangan pekerja-pekerja di kilang-kilang pembuatan di kawasan-kawasan tertentu adalah kerana perkembangan aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan ini. Kilang-kilang yang meningkat tahap pengeluaran telah bersaing untuk mendapatkan pekerja mahir dan terlatih dengan memberi gaji yang lebih tinggi dan insentif tertentu. Ini menyebab-

kan berlakunya kadar pertukaran kerja yang agak tinggi, dengan izin, high turnover rate di kalangan pekerja-pekerja pengeluaran. Oleh kerana ini, kilang-kilang menghadapi masalah kekurangan pekerja-pekerja terutamanya yang mahir dan berpengalaman Jabatan Tenaga Rakyat di peringkat negeri sentiasa memberi bantuan untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang diperlukan oleh kilang-kilang ini. Walau bagaimanapun, kilang-kilang ini mestilah bersedia untuk melatih pekerja-pekerja baru yang biasanya tidak mengambil masa yang lama. Di dalam sistem ekonomi kita belia-belie adalah bebas untuk memilih kerja yang sesuai dengan Kemahiran dan kepakaran mereka selaras dengan pendapatan yang diperolehi,

Yang Berhormat Senator Rajoo juga telah membangkitkan isu pemilikan saham dalam sektor korporat, Menurut beliau, pendekatan sekarang di mana rakyat keturunan-India dimasukkan di bawah kategori bukan bumiputera telah mengurangkan peluang memiliki saham-saham korporat. Oleh itu beliau mencadangkan supaya rakyat keturunan India diasingkan daripada kategori bukan bumiputera supaya peluang untuk memiliki saham lebih baik kerana mereka dianggap sebagai salah satu golongan yang termiskin.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pun dokumen-dokumen pembangunan Kerajaan telahpun menunjukkan kategori kaum India di bawah kategori rakyat Malaysia yang lain dalam perangkaan-perangkaan yang berkaitan dengan penglibatan berbagai kaum dalam kegiatan ekonomi. Dengan itu adalah tidak tepat/untuk menyatakan bahawa dengan memasukkan hakmilik kaum India di bawah kategori bukan bumiputera telah mengurangkan peluang mereka memiliki saham-saham sektor korporat. Oleh itu cadangan untuk mengkategorikan kaum India

secara berasingan bagi tujuan sektor korporat tidak membangkit Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa soal penyelarasan berbagai kaum bergantung kepada sumber maklumat yang berkenaan. Setakat yang boleh Kerajaan sentiasa bersedia memberikan pecahan-pecahan lanjut mengenai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan Harun membangkitkan ketidakseimbangan antara wilayah akan terus wujud sekiranya pertumbuhan ekonomi negara berasaskan kepada pelaburan swasta. Ini adalah kerana pelabur-pelabur swasta akan memilih negeri-negeri tertentu untuk melabur. Adanya deliberate policy seperti mengiktiraf negeri-negeri di Pantai Barat sebagai, dengan izin, main corridor dan negeri-negeri Pantai Timur sebagai 'mini-corridor' akan membuat negeri Kelantan terus ketinggalan dan tidak datang pelabur. Beliau mencadangkan supaya intervention dari Kerajaan perlu diteruskan dan tidak membiarkan kepada pihak swasta sahaja,

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian (PIP) ada menyatakan bahawa negeri-negeri Pantai Barat sebagai 'main corridor' dan negeri-negeri Pantai Timur sebagai 'mini-corridor' dalam konteks pembangunan perindustrian. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan akan diketepikan dalam proses perindustrian. Dalam keadaan negara menghadapi kemelesetan dan batasan sumber, keutamaan diberi kepada langkah-langkah untuk memastikan ekonomi terus berkembang dengan pesatnya dengan sektor swasta memainkan peranan utama. Namun begitu, dari segi jangka panjang dan berasaskan garis panduan PIP tersebut, usaha-usaha akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu menggalakkan penubuhan industri yang berasaskan sumber dan kemahiran tempatan di negeri-negeri kurang maju termasuklah negeri Kelantan

di samping mewujudkan industri-industri yang mempunyai pertalian dengan industri berat.

Bagi tujuan ini hiraki bandar di negeri-negeri termasuk negeri-negeri kurang maju sedang disusun setnula secara terpilih dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan dan kelengkapan asas secukupnya yang diperlukan untuk pembangunan perindustrian dan perdagangan.

Yang Berhormat Senator Puan Habidah Jusoh mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan khas untuk mengkaji dan memberi tunjuk ajar kepada peniaga-peniaga bumiputera yang bankrap dan gagal menjelaskan hutang. Dalam konteks ini beliau mencadangkan supaya diserapkan perniagaan secara Islam sesuai dengan kehendak Allah dan orangramai. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bumiputera yang menghadapi masalah di dalam perniagaan dan penjelasan hutang mereka. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) perwujudan Tabung Pemulihan Usahawan Bumiputera (TPU) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1987;
- (ii) memberi khidmat nasihat kepada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bumiputera melalui agensi-agensi awam seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia dan pelaksanaan program-program khas bantuan; dan
- (iii) bimbingan serta pinjaman untuk bumiputera oleh institusi-institusi kewangan untuk pembangunan seperti Bank Pembangunan Malaysia Syarikat Permodalan dan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF) dan menerusi Skim Perbadanan Jaminan Kredit (CGC).

Buat masa ini tidak ada lagi cadangan untuk menubuhkan satu badan khas bagi memberi tunjuk ajar kepada bumiputera yang muflis. Cadangan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, akan dikaji dengan lebih mendalam setelah mengambil kira implikasi dan keperluan sebenar bagi mengadakan badan khas ini,

Sehubungan dengan cadangan penyerapan perniagaan secara Islam, sayugia dijelaskan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penerapan **nilai-nilai** dan etika cara hidup Islam di dalam semua bidang termasuklah perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay yang menggesa supaya **kriteria** untuk membantu golongan miskin diperluaskan supaya ianya tidak terhad di kawasan luar bandar dan untuk sesuatu kaum sahaja. Beliau juga mencadangkan supaya latihan kemahiran disediakan untuk keluarga miskin supaya mereka dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk meningkatkan pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay dan Ahli-ahli Yang Berhormat **lain**, usaha-usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan meliputi kedua-dua kawaaan bandar dan luar bandar bagi semua kaum selaras dengan objektif pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum di bawah Dasar Ekonomi Baru. Hasil daripada usaha-usaha ini kadar kemiskinan bandar dan luar bandar serta di kalangan semua kaum telah berkurangan pada tahun 1987 berbanding dengan tahun 1984 seperti yang dinyatakan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, tentang pemberian latihan kemahiran kepada seluruh keluarga miskin sememangnya ahli-ahli daripada keluarga miskin telahpun mengikuti latihan ini dan Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan ini.

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng membangkitkan isu mengenai keperluan data yang menyeluruh dan terselaras di bekalkan kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN). Menurut beliau selaras dengan tujuan MPEN yang ingin mencapai persetujuan terhadap prestasi berbilang kaum dalam semua bidang ekonomi, adalah perlu pihak Kerajaan sendiri dapat mengumumkan statistik yang selaras dan disahkan. Beliau juga berharap pihak Kerajaan dapat memberikan kemudahan untuk membolehkan Ahli-ahli MPEN memperolehi data yang selaras daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang mempunyai rekod yang berkaitan. Beliau menyatakan tanpa data statistik yang menyeluruh dan selaras, tidak mungkin dapat dicapai tujuan MPEN iaitu menghasilkan satu persetujuan ke arah pembangunan ekonomi negara kita yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita maklumat-maklumat yang diberikan oleh Kerajaan kepada Ahli-ahli MPEN adalah setakat yang boleh dikeluarkan. Ahli-ahli MPEN tidak harus mengambil sikap bahawa hanya Kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan data dan maklumat bagi tujuan MPEN. Jika Ahli-ahli Majlis tidak puashati dengan maklumat Kerajaan adalah menjadi tanggungjawab mereka juga untuk mengemukakan data dan maklumat sendiri bagi menyokong dan membuktikan pandangan-pandangan mereka.

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng minta penjelasan mengapa



data-data mengenai bilangan pelajar dan peratusan mengikut kaum pada tahun 1985 untuk peringkat menengah rendah, menengah atas sastera dan teknik, menengah tinggi sastra dan sains dan teknologi dan ijazah seperti yang terkandung di dalam Jadual 13-2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima tidak consistent, dengan izin, dengan Jadual 19-4 Rancangan Malaysia Kelima.

Memang terdapat perbezaan mengenai data-data bagi tahun 1985 seperti yang terkandung di dalam Jadual 13-2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima dan Jadual 19-4 Rancangan Malaysia Kelima. Data yang terkandung di dalam Jadual 19-4 Rancangan Malaysia Kelima bagi setengah-setengah peringkat pendidikan adalah anggaran ataupun estimated semasa penyediaan RML pada tahun 1985 dan masih belum ditentukan ketepatannya, sementara data yang terkandung di dalam Jadual 13-2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima adalah data yang lebih tepat dan telahpun disemak oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini. Adalah diharapkan penjelasan-penjelasan yang telah saya huraikan tadi akan serba sedikit dapat memberi lebih kefahaman mengenai dasar Kerajaan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu seperti mana kata saya tadi, tidak semua perkara yang telah dibangkitkan telah saya jawab, walau bagaimanapun, bagaimana yang saya sebutkan awal tadi, segala pandangan dan syor-syor yang membina akan diambil kira di dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhonnat Timbalan Perdana Menteri ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini -

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan.: Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyera semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara-yang adil, progresif dan kukuh.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 dan 1989)****Bacaan Kali Yang Kedua****6.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi peruntukan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$172,587,309 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai dua tambahan perbelanjaan bekalan iaitu melalui Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1988 berjumlah \$20,771,000 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1989 berjumlah \$151,816,309.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1989.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini mendapat kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$20,771,000 bagi perkhidmatan tahun 1988 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tarabahan Kedua 1988 berjumlah \$233,972,610 tetapi sebanyak \$20,771,000 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana aebanyak \$213,201,610 dari jumlah peruntukan tersebut adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada Perbekalan undang-undang tersebut.

Tambahan peruntukan sebanyak \$20,771,000 adalah dikehendaki di bawah maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan

bagi menambah peruntukan bayaran balik hasil untuk melaraskan akaun buku tunai dan hasil Kerajaan yang terlebih di nyatakan dalam tahun 1983. Tambahan untuk tujuan ini tidak dapat dikemukakan dahulu memandangkan banyak perkara-perkara lain yang memerlukan peruntukkan terpaksa diberi keutamaan. Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1988 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibenteng sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1989 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1989

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan berjumlah \$151,816,309 bagi perkhidmatan tahun 1989 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Kedua Rang Undang-undang ini. Tambahan peruntukan sebanyak \$151,816, 309 yang dipinta ini adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu dan bagi menentukan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan tidak terjejas.

Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah bagi tujuan-tujuan seperti berikut.

Sebanyak \$126,603,409 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun. Daripada jumlah ini sebanyak \$25 juta adalah untuk menambah caruman kepada Tabung Kumpulanwang Simpanan Negeri tahun 1989 bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengalami kekurangan defisit di dalam akaun Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebanyak \$101,603,409 lagi adalah dikehendaki untuk diperuntukkan kepada Akaun Amanah Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Mengikut seksyen 10(4) Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang menghendaki Kerajaan memperuntukkan wang yang sama banyak dengan wang yang telah dibayar kepada Akaun Hasil Disatukan. Baki hasil jualan loteri setelah ditolak semua perbelanjaan yang berkaitan bagi tempoh dari tahun-tahun 1962 hingga tahun 1987.

Sebanyak \$19,325,200 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah ini sebanyak \$17,800,000 adalah dikehendaki untuk Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam meneruskan operasi mengosongkan Pulau Bidong daripada Pendatang Haram Vietnam (PHV) serta operasi mennegah dan mengusir PHV dari negara Malaysia.

Sebanyak \$1,408,200 adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja mengubahsuai Bangunan Sulaiman untuk dijadikan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan selebihnya

iaitu sebanyak \$117,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembelian peralatan/perkakas pejabat untuk diberikan sebagai hadiah kepada 39 buah pejabat-pejabat Kerajaan yang telah berjaya terpilih di bawah Program Anugerah Pejabat Terbaik dalam tahun 1986, 1987 dan 1988.

Sebanyak \$3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara untuk kerja-kerja mengubahsuai kaunter dan ruang pejabat, penyewaan komputer, bayaran penyelenggaraan (hardware), Perkhidmatan Biro 'Data Entry', pembelian kad-kad kosong dan bahan-bahan kimia untuk mengeluarkan Kad Keselamatan Bermutu Tinggi yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

Sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai kerja-kerja pembersihan Tasek Kenyir untuk dijadikan sebagai pusat pelancongan.

Sebanvak \$887.700 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.14 Kementerian Pertimahan dan Kerajaan Tempatan untuk menampung program aktiviti baru kemajuan perkampungan yang dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Mac, 1989.

Dengan tambahan sebanyak \$151,816,309 ini maka jumlah peruntukan Perbelanjaan Mengurus tahun 1989 menjadi sebanyak \$22,437,269,529 iaitu bertambah sebanyak 1% daripada peruntukan asal. Kedudukan kewangan Kerajaan boleh menampung pertambahan ini berdasarkan tanda-tanda yang positif masa kini.

Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1989 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1989 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Dahalan.

**6.27 ptg.**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas secara ringkas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan tempuh perkara umum tetapi ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini. Seperti saya biasa sebut pada masa-masa dahulu di dalam Dewan yang mulia ini, pada hari ini sekali lagi saya mohon menyarankan supaya pihak-pihak yang berkaitan dengan pengurusan wang negara supaya lebih teliti, tepat dan tegas dalam pelaksanaan peruntukan dan belanjawan negara. Memang saranan saya ini agak sukar dilaksanakan kerana mungkin ada konflik antara keputusan pentadbiran dan keputusan politik. Sentiasanya keputusan daripada 'political bosses', dengan izin, mengatasi keputusan pentadbir. Bagaimanapun, saya berharap kedua-dua keputusan dapat diselaraskan supaya tidak banyak lagi muncul Rang Undang-undang untuk perbekalan tambahan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk perancangan, pelaksanaan, pengurusan

dan pengawalan wang negara sudah sedia ada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan Public Accounts Committee. Saya berharap ketiga-tiga badan ini dapat mentadbir dan mengawal kewangan negara agar peruntukan dan pengaliran wang negara berjalan dengan sempurna. Telahpun kita menghadapi peruntukan yang tidak cukup di satu Jabatan atau Kementerian, apakah wang tidak cukup kerana salah penyaluran atau disalahgunakan atau mungkinkah peruntukan memang tidak cukup? Bagaimanapun, sekiranya memang peruntukan tidak cukup dan sekiranya benar-benar perlu demi kepentingan perjalanan negara maka perbekalan tambahan memang wajar. Kerap kali kita terdengar berlaku 'high jacking', dengan izin, peruntukan dari satu Kementerian ke Kementerian lain atau dari satu projek ke projek yang lain yang lebih penting mengikut, pemikiran seseorang Menteri atau seseorang 'political boss' hinggakah projek-projek yang sepatutnya berjalan di satu tempat itu tertinggal begitu sahaja. Sentiasanya projek-projek yang tertinggal ini ialah social project yang tidak mungkin memberi apa pulangan kepada Kerajaan selain daripada kepuasan kepada rakyat. Saya harap tindakan seperti ini dapat dikurangkan supaya tidak menjejaskan pembangunan kawasan yang mundur.

Tuan Yang di-Pertua, seketika dahulu heboh dengan cerita 'grand design'. Sebenarnya kita perlu 'grand design' ini. Grand design yang kita perlu bukanlah 'political grand design' untuk kepentingan sesuatu puak. Apa yang kita perlu ialah 'grand design' untuk kepentingan semua rakyat. Kita perlukan banyak lagi pembangunan di segala bidang.....



**USUL**

**PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [Dato Dr K.S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN  
KELAS P.O.L. DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**6.30 ptg.**

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kurang oleh kerana baru-baru ini ada pelbagai komplek bahawa kebanyakan sekolah tidak mengamalkan kelas-kelas POL dengan sempurna. Sepatutnya kelas ini hendaklah diadakan pada minggu yang pertama selepas sesi sekolah dimulakan.

Peruntukan untuk kelas-kelas POL tidak bermakna jika ada kelemahan dari segi pengamalan. Kementerian Pendidikan hendaklah berhati-hati dalam hal ini supaya kelas-kelas POL ini dijalankan dengan lancar dan sempurna. Apa yang saya ingin menegaskan bahawa pengajaran bahasa Tamil hendaklah dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan serentak dengan kelas agama untuk para pelajar agama. Lebih-lebih lagi matapelajaran Tamil hendaklah dijadikan matapelajaran wajib bagi murid-murid bangsa India di semua sekolah-sekolah kebangsaan mulai dari Darjah III.

Saya ingin menyentuh di sini bahawa apabila para pelajar mendapatkan borang permohonan untuk latihan guru mereka disoal sama ada mereka mempunyai kepujian dalam bahasa Tamil atau tidak. Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil terletak di dalam ladang-ladang. Kemusykilan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini kerana mereka di bawah kategori bantuan modal dan bukan bantuan penuh.

Tuan Yang di-Pertua, suasana hidup di sektor ladang-ladang tidak memberikan dorongan untuk para murid bagi melanjutkan pelajaran mereka dengan lebih yakin. Keadaan ini merosot kerana

Kerajaan tidak dapat memenuhi keperluan asas sekolah-sekolah ini dengan alasan bahawa sekolah-sekolah ini diletakkan di tanah swasta. Saya cadangkan bahawa Akta Pelajaran 1961 hendaklah dipinda untuk membolehkan tuan punya ladang-ladang untuk menyarakan tanah sekolah mereka kepada Kerajaan dengan suatu bayaran yang sederhana ataupun percuma. Masa sudah tiba untuk Kementerian bertindak seperti **ini**. Sebarang kelewatan dalam hal ini akan terus meletakkan sekolah-sekolah Tamil dalam suasana yang sedih. Saya juga cadangkan bahawa guru-guru Melayu ditempatkan ke sekolah-sekolah Tamil untuk meningkatkan mutu Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil. Sekian, terima kasih.

#### **6.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang telah menggalakkan kelas-kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil dimulakan pada minggu pertama sekolah dibuka. Kebanyakan sekolah dapat memulakan kelas-kelas ini pada masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan dalam hal-hal tertentu masih ada sekolah-sekolah yang memulakan kelas-kelas tersebut agak lewat sedikit. Ini adalah kerana selaras dengan Akta Pelajaran 1961 bahasa Cina dan Tamil ditawarkan kepada murid-murid bila ada sekurang-kurangnya 15 orang ibubapa atau penjaga murid memohon supaya anak-anak mereka diajar matapelajaran ini. Apabila terjadi seperti tersebut maka pihak sekolah akan mendapatkan guru-guru menyediakan bilik darjah, buku teks, jadual waktu dan lain-lain

kemudahan yang diperlukan bagi pelaksanaan matapelajaran tersebut. Proses ini memakan masa tetapi perlu dilakukan pada setiap awal tahun persekolahan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya diadakan kelas bahasa Cina dan Tamil serentak dengan pendidikan agama Islam, perlu diingatkan bahawa Jawatankuasa Kabinet mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan pada 1979 menegaskan pentingnya membentuk rakyat yang berakhlak mulia. Oleh kerana pelajar Muslim diajar pendidikan Islam, Jawatankuasa ini memperakukan supaya semua pelajar bukan Muslim diajar pendidikan moral. Kedua-duanya perlu dijalankan serentak. Maka dalam pelaksanaan KBSR dan KBSM kedua-dua matapelajaran diajar pada waktu yang sama. Oleh kerana itu pengajaran bahasa ibunda tidak boleh dijalankan serentak dengan pendidikan agama Islam. Walau bagaimanapun, mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil memang diajarkan di dalam jadual waktu sekolah dan matapelajaran ini ditawarkan sebagai matapelajaran tambahan kepada semua pelajar. Jadi, murid Melayu yang berminat mengikuti matapelajaran bahasa Cina atau bahasa Tamil tidak dihalang daripada pengambilannya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya matapelajaran bahasa Tamil diwajibkan kepada pelajar-pelajar bangsa Tamil, perlu ditegaskan bahawa Akta Pelajaran 1961 menyatakan pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil hanya boleh dijalankan kalau terdapat permintaan daripada 15 orang ibubapa murid, ini tidak mengambil kira kaum apa mereka. Jadi, soal mewajibkan pembelajaran bahasa Tamil bagi murid-murid bangsa India di sekolah kebangsaan mulai Darjah III tidak timbul.

Mengenai isu keperluan asas sekolah-sekolah bantuan modal, Kerajaan tidak pernah mengenyepikan keperluan asas sekolah tersebut. Sekolah-sekolah ini telah menikmati berbagai-bagai bantuan dan kemudahan seperti yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah bantuan penuh antaranya ialah menempatkan guru terlatih secukupnya termasuk guru Bahasa Malaysia, pengajian sekolah rendah dan menengah, mengadakan rancangan makanan tambahan, bantuan buku teks, buku bacaan tambahan, alat pengajaran pembelajaran dan perkhidmatan kesihatan.

Mengenai isu meminta Akta Pelajaran 1961 untuk menyelesaikan masalah tapak SRJK(T), ingin dijelaskan bahawa tanah adalah tertakluk di bawah Peraturan Kanun Tanah Negara. Pemindahan milik mana-mana tanah melibat banyak pihak dan melalui proses yang kompleks. Akta Pelajaran 1961 pula tidak mungkin mengambil alih kuasa yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara dan yang diperuntukkan kepada pihak-pihak dalam Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah. Oleh itu cadangan Yang Berhormat mengenai perkara tersebut sukar diterima pada tahap sekarang.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

## AKTA KAWALAN SEWA 1966

**6.40 ptg.**

**Tuan Chang Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan sepatah dua di atas Akta Kawalan Sewa Tahun 1966. Pada mulanya undang-undang Kawalan Sewa ini diluluskan pada tahun empatpuluhan, kemudiannya undang-undang itu digantikan dengan undang-undang yang dinamakan sebagai Akta Kawalan Sewa 1966.

Tujuan utama dalam Akta ini ialah memberikan kawalan kepada penyewa-penyewa di bangunan-bangunan yang tertentu. Bangunan-bangunan yang berkenaan ialah bangunan-bangunan yang telah dibina pada atau sebelum 31hb Januari, 1948. Di bawah Akta ini pemilik-pemilik (landlord) bangunan yang tersebut tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menamatkan, dengan izin, tenancy atau memaksa penyewa-penyewa keluar daripada bangunan-bangunan yang berkenaan. Tambahan lagi pemilik juga dilarang untuk menambahkan sewa, sekiranya keadaan yang disebutkan dalam akta ini tidak terwujud. Selepas peperangan Dunia yang kedua, kawalan seperti ini patut diberikan kerana pada masa itu wang sewa yang dibayar oleh penyewa-penyewa adalah adil. Dan juga kalau penyewa-penyewa dihalau keluar daripada bangunan-bangunan yang didiami mereka susahlah mereka mencari tempat lain kerana dalam zaman itu tidak ada banyak bangunan-bangunan baru dibina seperti pada mana sekarang.

Sekarang lebih kurang 40 tahun telah berlepas. Kebanyakan pemilik-pemilik serta penyewa-penyewa yang asal telah meninggal dunia. Tetapi wang sewa yang dipungut oleh pemilik-pemilik bangunan-bangunan yang berkenaan masih sama dengan jumlah yang dibayar kepada datuk-datuk mereka lebih kurang 40 tahun dahulu iaitu bila-harga satu mangkuk mee tidak melebihi 10 sen, padahal mee yang sama kini telah berharga lebih daripada \$1.20.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jumlah wang sewa yang begitu rendah, ada di antara pemilik-pemilik yang enggan membuang masa mereka untuk pergi memungut sewa itu. Sungguhpun begitu, ramai juga penyewa-penyewa bangunan-bangunan ini tidak dapat kawalan kerana mereka adalah sub-tenants atau penyewa kepada penyewa utama yang diberikan kawalan dalam Akta ini. Di bawah persetujuan yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak ini, chief tenant atau penyewa utama yang berkenaan menerima wang sewa yang beberapa kali ganda daripada wang sewa yang diterima oleh pemilik-pemilik yang tulen. Dengan ringkasnya orang-orang yang sebenar-benarnya mendapat faedah di bawah akta ini ialah chief tenant atau penyewa utama. Kebanyakan chief tenant ini adalah anak-cucu kepada penyewa-penyewa asal di mana akta ini memberikan kawalan, Akibatnya kebanyakan bangunan-bangunan yang berkenaan telah menjadi makin buruk dari segi rupanya dan keadaan amnya kerana pemilik-pemilik tidak mahu membazir wang mereka membaiki bangunan-bangunan yang makin buruk itu. Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah, Majlis Perbandaran sangat kerugian kerana penilaian atau assessment di atas milik-milik ini terlalu rendah dan juga pembangunan atau kemajuan di kawasan yang berkenaan tidak dapat dijalankan dengan pesatnya. Penduduk-penduduk terus tinggal, bekerja atau berniaga dalam keadaan yang merbahaya kurang sihat serta tanpa kemudahan-kemudahan yang moden.

Oleh sebab itu kita hendaklah tahu apakah keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa atau Suruhanjaya Khas (Special Commission) yang telah ditubuhkan beberapa tahun dahulu untuk meninjau implikasi Akta ini. Siapakah ahli-ahli Jawatankuasa Khas ini dan apakah laporan daripada enquiry yang telah dijalankan oleh mereka?

Adalah dicadangkan bahawa Akta ini dibubarkan atau diubah dengan tujuan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas. Serentak dengan memberikan kawalan kepada penyewa-penyewa yang benar berhak mendapat kawalan peraturan-peraturan mesti dibuat untuk membolehkan pemilik-pemilik memperbaiki atau memajukan milik-milik mereka tanpa halangan-halangan yang mereka menghadapi di bawah Akta ini pada masa sekarang. Kalau wajib, Kerajaan mestilah menolong penyewa-penyewa yang berkenaan membeli atau menyewa rumah-rumah kos rendah atau kedai-kedai khas yang dikehendaki dengan harga yang adil.

Tuah Yang di-Pertua, Yang mustahak sekali, Kerajaan mestilah mengambil tindakan tegas untuk menentukan bahawa pihak berkuasa dapat memajukan kawasan mereka dengan licin dan teratur untuk faedah kesemua penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Terima kasih.

#### **6.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat Tuan Chang Choong Tak yang membangkitkan soal mengenai Akta Kawalan Sewa 1966.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sahabat saya Ahli Yang Berhormat, hasil laporan kajian Kabinet di dalam mesyuaratnya yang bersidang pada 14hb Januari, 1989 telah mengarahkan supaya



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji secara terperinci kemungkinan-kemungkinan memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 sejajar dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sebentar tadi, dengan syarat ianya mengambil kira segala kebajikan penyewa-penyewa yang sedia ada di 14,241 buah bangunan. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini secara terperinci bagi mencapai hasrat yang diutarakan. Terima kasih.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul kepada Dewan ini untuk diputuskan. Usulnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 10.7.89.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.**

